

BAB EMPAT

PERSEMPADANAN DI NEGERI PERAK

4.0 LATAR BELAKANG

Setelah berjaya mendapat Pulau Pinang dan Province Wellesley, British cuba meluaskan lagi wilayah mereka ke kawasan lain di negeri Melayu. Di sebelah utara, mereka tertumpu ke Perak. Mereka menunggu masa dan peluang untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran di Perak. Apabila perdagangan mereka terancam, British akan segera bertindak. Perang Larut pada tahun 1861-62 ditamatkan dengan bayaran ganti rugi berjumlah \$17,447.04. Setelah berlaku Perang Larut kedua pada tahun 1871, British telah dijemput oleh Raja Muda Abdullah dan mereka tidak melepaskan peluang ini. Hasilnya berlakulah campur tangan British di Perak melalui Perjanjian Pangkor.

Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 bukan sahaja memperakui campur tangan British ke atas Perak, malahan telah memperluaskan kawasan kolonial mereka. Kuala Kerian dimasukkan ke dalam pemerintahan Province Wellesley dan Dinding disahkan pendudukannya.¹ Pengalaman dan kejayaan dengan Kedah, dipergunakan dengan sebaik-baiknya di Perak. British tidak sahaja dapat campur tangan di Perak, malahan kawasan Kuala Kerian dan Dinding telah menjadi milik kekal seperti keadaannya dengan Pulau Pinang, Province Wellesley, Singapura dan Melaka.²

Sekali lagi diperlihatkan, British menetapkan sempadan kawasan yang mereka kehendaki mengikut kemahuan dan cara mereka. Kedua-dua kawasan ini diambil dengan menjadikannya sebagai sebahagian dari syarat Perjanjian Pangkor, dan bentuk sempadannya adalah dari sungai ke sungai dan berupa satu garisan rentas yang lurus. Pihak pemerintah di Perak, tidak dapat berbuat apa-apa kerana sedang berhadapan dengan permasalahan lain yang lebih rumit, iaitu perebutan kekuasaan dan pemerintahan serta ancaman Perang Larut kedua yang bermula pada 1871. British bertindak untuk mendapatkan kekuasaan di Perak dan mengambil sebahagian kawasannya sama seperti dilakukan kepada Sultan Kedah semasa meminta kawasan Gunung Jerai dan Lembah Merbuk pada tahun 1818. Bagaimanapun mereka gagal kerana Sultan Kedah mampu mempertahankan haknya dan baginda tidak menghadapi permasalahan seperti di Perak. Perjanjian Pangkor menjadi asas penerokaan mereka seterusnya di Perak dalam persoalan persempadanan yang lebih luas dan lebih mencabar lagi.³

4.1 PEMBUKAAN PULAU PINANG DAN KESANNYA KE ATAS PERAK

Hubungan antara keduanya bermula setelah Kapten Francis Light menulis surat kepada semua Sultan dan pemerintah di Semenanjung Melayu untuk mengadakan perdagangan terus (secara langsung) dengan Pulau Pinang. Di Perak, F. Light telah mengutus surat kepada Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda (1780-1792) sultan yang ke 18. Harapan F. Light tidak tercapai apabila sultan memberitahu,

"Shahdan, adapun hal Gurnadur hendak biasa dengan kita itu, terlalulah kesukaan kita, serta dengan benarnya sangat pada hati kita. Adapun akan negeri Perak ini adalah umpama perempuan yang elok tapi sungguh pun elok ada pula lakinya, maka lakinya itu terlalu cemburunya. Dalam pada itu ada pula orang berkenan akan perempuan itu.....tetapi lakinya terlalu amat keras.... Maka negeri Perak pun demikian itulah, maka hendaklah Gurnadur berbaik-baik bicara,.....".

Itulah jawapan rasmi dari pemerintah yang sudah terikat melalui perjanjian dengan Belanda.⁴ Oleh kerana negeri Perak itu luas, dan banyak jalan laluan keluar ke Selat Melaka, maka banyaklah hasil negeri tidak dapat di kawal oleh pemerintah pusat. Di antara hasil-hasil ini banyak yang mengalir ke Pulau Pinang. Mengikut catatan senarai kapal kapal keluar masuk di Pulau Pinang antara bulan Mac ke Oktober 1789, hampir 100 buah perahu datang dari Kerian, Terong, Laut, dan Beruas membawa hasil-hasil ke Pulau Pinang dan membawa balik barang seperti kain-kain dan candu ke tempat mereka.

Walaupun Belanda ada perjanjian perdagangan dengan Perak semenjak tahun 1746, Melaka terus merasai kekurangan hasil bijih. Lebih-lebih lagi setelah pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786. Umpamanya pada tahun 1789, dari sejumlah 350,000 lbs (933.3 bahara), hanya 50,000 lbs sahaja yang sampai ke Melaka. Sementara yang lainnya telah masuk ke pasaran di Pulau Pinang yang menawarkan harga hampir setengah kali ganda dari apa yang ditawarkan oleh Belanda. (Belanda menawarkan 34 reals, EIC antara 48 ke 50 reals).⁵ Dengan ini hasil bijih dan lain-lain hasil dari Perak telah memberi sumbangan kepada perkembangan perdagangan dan kemajuan

Pulau Pinang.

Peperangan Napoleon di Eropah memberi rahmat kepada EIC di timur. Banyak wilayah Belanda diserahkan kepada Inggeris melalui "Surat Kew" pada February 1795, bagi mengelakkan jatuh ke tangan Perancis. Melaka diambil tanpa sebarang tentangan pada Ogos 1795. Misi ke Perak sampai pada 5 November 1795. Selepas berlaku sedikit tentangan, berakhirlah pertapakan Kompeni Belanda selama kira-kira 150 tahun di Tanjung Putus, Pengkalan Halban, Hilir Perak pada 24 Disember 1795. Setelah ketiadaan Belanda, Perak mempunyai harapan yang tinggi terhadap EIC. Bagaimanapun bantuan pertolongan yang diminta pada tahun 1787 bagi menghadapi Selangor dikecewakan oleh F. Light. Bagi EIC, terkeluarnya VOC dari perairan Semenanjung di Selat Melaka, menjadikan mereka kuasa Barat yang memonopoli hasil dan pasaran di kawasan ini. Dengan ini Perak telah berdagang terus dengan Pulau Pinang tetapi tidak mempunyai ikatan persahabatan untuk keselamatan masa depannya.

Berakhirnya monopoli Belanda memberikan ancaman keselamatan kepada Perak. Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai sumber dan hasil, Perak mendapat perhatian jiran-jiran di sekelilingnya. Di sebelah hulu, Siam mencengkam kembali, dari sebelah selatan dan hilir, Selangor yang pernah meminta pengiktirafan mula menunjukkan taring dan sentiasa mengancam. Amaran pertamanya untuk menyerang pada tahun 1787 tidak terlaksana dengan sepenuhnya kerana adanya Belanda. Bagaimanapun

tekanan demi tekanan terhadap Perak terus diperkuatkan. Peristiwa sebegini menggesa Perak mencari kawan. Pulau Pinang pula begitu prihatin dalam menjaga kepentingan perdagangannya. Banyak peristiwa-peristiwa yang berlaku di Perak sepanjang sejarahnya telah membawa kepada kemerosotan hasil dagangan. Ini yang merugi dan menakutkan Pulau Pinang dalam proses perkembangannya untuk menguasai perdagangan di rantau sebelah sini.

4.2 ALIRAN DAGANGAN PERAK KE PULAU PINANG DAN PERMASALAHANNYA

Banyak peristiwa dan kejadian yang boleh menghalang arah aliran dagangan keluar dari Perak. Antara peristiwa penting seperti perlanunian di sepanjang pantai, krisis ketakhtaan, krisis Kerabat Diraja-pembesar, wabak penyakit yang berleluasa, perang saudara, Perak diserang dan juga kerana tekanan pemerintah serta cukai yang tinggi. Dalam perbincangan di sini, peristiwa dan kejadian di atas di bagi mengikut kawasan. Namun tumpuan perbincangan hanyalah meliputi kawasan yang berkaitan di persempadan di sebelah hilir, tepi pantai utara dan Hulu Perak.

Kawasan Hilir, Tepi Pantai dan Utara. Merompak dan merampas kapal-kapal atau perahu yang lalu lalang di Selat Melaka merupakan kegiatan utama lanun-lanun yang berada di pantai Perak. Mereka bersembunyi di kuala-kuala sungai, ceruk, tanjung atau pulau di sepanjang pantai. Setiap kumpulan ini biasanya mempunyai "Kawasan Operasi" mereka sendiri. Secara kasar kawasan tempat persembunyian dan kawasan operasi mereka bermula dari Kerian-Batu Kawan di utara hingga ke Tanjung Angus/Sungai Nibong

Angus di selatan. Pemerintah Perak tidak dapat berbuat apa-apa kerana kemahiran lanun menguasai kawasan masing-masing. Kadangkala pemimpin tempatan juga terpaksa berkomplot dengan mereka demi keselamatan keluarga dan anak buah dalam jagaannya. Keadaan menjadi begitu kerana pihak pusat berkedudukan jauh dan tidak mampu untuk membantu. Perkara yang sering terjadi ialah penukaran ketua tempatan kepada orang baru yang diyakini lebih berwibawa. Secara sedar atau tidak, kehadiran lanun-lanun telah menghalang kelancaran perdagangan, terutamanya kepada kapal-kapal kecil dan juga perahu-perahu Melayu.⁶

Kepentingan kawasan di tepi pantai, laut, dan perlanungan dalam kontek perbincangan ini adalah untuk memperlihatkan peranan Inggeris kemudiannya memperolehi Pulau Dinding dan Pulau Pangkor melalui Perjanjian Kapten James Low/Sultan Muazzam Shah pada 18 Oktober 1826. Meskipun mereka tidak pernah mendudukinya, tetapi dari segi hak mereka telah pun memilikinya. Lama kemudian baharulah British mendudukinya. Usaha ini terhalang oleh pihak atasannya mereka dan Perak pula mempertikaikannya. Demikian juga dengan kawasan selatan Bernam yang akhirnya jatuh ke tangan Selangor dan kemudian diiktiraf oleh British.⁷ Bagi sebelah utara pula perlu mengawasi penghijrahan dan pendudukan orang Kedah dan juga Patani ke kawasan ini terutamanya di perlumbahan Kerian-Batu Kawan dan Kurau. Semua ini kemudiannya menimbulkan permasalahan kepada kawasan ini setelah kedua-dua kerajaan iaitu Perak dan Inggeris

Peta 4.1. Perak Serta Wilayah Perakuannya

Sumber: MIH Bil. B, No.1, 1970, Diubahsuai dengan B.W. Andaya: Abode of Grace.

kemudiannya memperakui kawasan tersebut milik mereka. Timbulah kekecohan yang menegangkan perhubungan. Lebih-lebih lagi apabila bentuk persempadanan baru diperkenal dan dikuatkuasakan oleh pihak penjajah British.

Selangor terus menjadi pesaing yang mengancam Perak. Kawasan hilir Perak yang menjadi tempat pengumpulan hasil bijih timah menjadi tumpuan mereka. Atas alasan Selangor dijemput untuk menghalang serangan Siam dan kemudiannya bertindak menghalau Siam keluar dari Perak. Dengan ini Selangor berkuasa semula ke atas Perak, terutamanya di kawasan hilir. Raja Hassan, anak saudara Sultan Selangor ditempatkan di Kuala Bidor untuk memungut cukai bagi pihak Selangor. Selangor bermaharajalela di hilir dan menyebabkan hasil dari Perak berkurangan. Bagi Pulau Pinang ini tidak menimbulkan masalah kerana hasil dari Selangor juga tersalur kepadanya. Di sini memperlihatkan bahawa British hanya bertindak membantu, apabila hasil yang bakal mereka perolehi berkurangan.

Perak yang beraleh mencari sahabat dengan EIC di Pulau Pinang, sering dikecewakan. EIC tidak berminat untuk campur tangan dalam sengketa dalaman atau antara Perak dengan Selangor, kecuali bagi hal yang ada kaitan dengan kepentingan mereka. EIC minat membantu setelah Belanda kembali semula ke Melaka pada tahun 1818 dan apabila Kedah kalah kepada Siam pada tahun 1821. Ancaman-ancaman di atas amat merugikan dan menakutkan EIC. Lebih-lebih lagi setelah Raja Ligor menduduki Perak dan

mengancam menyerang Selangor pula. Kekuatiran akan terputusnya perdagangan dengan Perak dan atas desakan pedagang-pedagang di Pulau Pinang, EIC telah berusaha untuk berbaik-baik dan cuba untuk menjadi pelindung kepada Perak dan Selangor. Perjanjian perdagangan dimeterai dengan Perak dan Selangor, dan EIC juga berusaha mendamaikan persengketaan antara mereka dengan menyelesaikan permasalahan sempadan yang menjadi pertikaian. Akhirnya dengan usaha ini tercapailah persetujuan antara Perak dengan Selangor bahawa Sungai Bernam telah dijadikan sempadan bersama pada 6 September 1825. Pegawai EIC yang telah mengusahakan ini ialah John Anderson yang bertugas sebagai wakil EIC dan juga menjadi penterjemaha Melayu. Maka berakhirlah penjajahan Selangor ke atas hilir Perak apabila Raja Hassan dipaksa keluar dari Kuala Bidor.⁸

Di sebelah utara Perak ialah kawasan Bukit Gantang, Larut, Kurau dan Kerian-batu Kawan. Kawasan-kawasan ini menjadi terkenal setelah penemuan hasil bijih dan juga menjadi kawasan penanaman padi penting di Perak. Kedua-dua hasil ini telah menarik ramai penghijrah-penghijrah Melayu Perak dan orang luar menetap di sini. Selain daripada Melayu Perak, orang-orang Melayu dari Kedah, Patani dan lain-lain kawasan Kepulauan Melayu seperti Sumatera dan Banjarmasin turut juga berhijrah ke kawasan di atas. Perkembangan sejarah juga telah membawa orang-orang Cina ke kawasan ini. Penghijrah-penghijrah inilah yang kemudiannya akan mencorakkan sejarah persempadanan di kawasan ini. Umpamanya, penghijrah-penghijrah dari

Kedah telah menduduki kawasan Batu Kawan dan Kerian. Mereka mempertikaikan pertuanan mereka kepada Perak. Sebaliknya terus memberi kesetiaan kepada Kedah. Ini menjadikan Lembah Kerian-Batu Kawan milik Kedah setelah Perak gagal mempertahankanya. Semua ini telah menjurus kepada pertikaian seperti peristiwa pendudukan kembali selatan Kerian yang telah dibincangkan dalam Bab 3, dan juga di Selama yang akan dibincangkan di bawah nanti.

Kawasan Hulu. Sultan Perak yang kedua telah menetapkan kawasan sempadan Perak dengan Patani di rantau hulu. Seorang pembesar telah dilantik semasa penetapan sempadan ini bagi tujuan pemerintahan dan pemungutan cukai. Hasil utama di kawasan ini ialah bijih timah yang banyak terdapat di Kelian Intan dan Kelian Indah. Penetapan kawasan sempadan ini dikatakan mendapat persetujuan Patani.⁹ Masa dan keadaan terus berlalu. Pemerintah Perak dari satu keturunan ke keturunan seterusnya mendapat hasil mahsul dari sini terutamanya bijih dan gajah. Dikatakan hasil dari kawasan ini dapat kepada pemerintah ialah "seribu" bahara setiap tahun.¹⁰ Hasil hasil ini dibawa menghilir sungai sampai ke Kuala Perak. Oleh kerana selalu berlaku pertelagahan di kalangan pemerintah maka penghantaran hasil ke kuala sering terhenti. Hasil-hasil banyak dibawa ke laut melalui laluan lain seperti dari Hulu Sungai Rui ke Hulu Selama, Kurau atau Larut yang perjalanananya hanya satu atau dua hari sahaja. Bagi kawasan di sebelah hilir sedikit, mereka menggunakan laluan Kuala Kangsar-Larut/Terong. Pertukaran laluan

perjalanan ini merugikan pemerintahan yang berpusat di hilir tetapi tidak kepada pembesar-pembesar Perak di sebelah hulu.¹¹

Hasil yang banyak di hulu telah menarik perhatian jiran dan juga musuh Perak. Oleh kerana adanya VOC, Bugis, Kedah dan Siam tidak berani menyerang secara langsung. Bugis menempatkan orang-orangnya di hilir Perak, sementara di sebelah hulu dan di utara diduduki oleh orang-orang Patani dan Kedah. Pendudukan ini telah menimbulkan "konflik kesetiaan". Bagi masyarakat Melayu tradisi, bukan di mana mereka tinggal diutamakan, tetapi dari mana asal mereka yang lebih dipentingkan. Jadi meskipun tinggal di wilayah utara dan hulu Perak, mereka tetap rakyat Kedah atau Patani. Apabila hal ini berlaku, penduduk di sini lebih senang berdagang dengan negeri asal mereka dari berurusan dengan pemerintah di Perak. Keadaan mereka yang ramai dan jauh pula dari kawalan pusat pemerintahan Perak, menjadikan perkara ini berterusan. Hasil dari Hulu Perak, bukan sahaja dibawa ikut Kerian, Kurau dan Larut malah juga telah dibawa ke Kuala Muda melalui Baling dan Pulai.¹²

Keadaan di negeri Perak hanya terkawal sepenuhnya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain, sultan Perak yang ke 15. Baginda bukan sahaja dapat menyatukan kerabat Di Raja malah menguasai semua pembesar-pembesar negeri melalui perlantikan baru (menggantikan yang tidak setia) semasa pertabalannya sebagai sultan. Bagi menentukan supaya Hulu Perak terus mengeluar hasil bijih timah dan menjadi penyumbang

utama pendapatan kepada pebendaharaan istana dan raja, baginda melantik Dato' Seri Adika Raja dan Dato' Seri Maharaja Lela baru mentadbir kawasan ini sebagai Orang Besar. Seri Adika Raja memerintah di kawasan tradisional Hulu Perak dari Kuala Temong sampai ke ocak-ocak Sungai Perak. Manakala Datuk Seri Lela di kawasan hilir Temong di persekitaran Kuala Kangsar yang berpusat di Sayong. Baginda sendiri telah membuat lawatan ke seluruh negeri sampai ke hulu dan juga menyusur pantai ke Larut/Matang. Satu pasukan perang di bawah Orang Kaya Besar telah juga di hantar ke hulu bagi mengeluarkan orang-orang Kedah yang menguasai lombong-lombong bijih di kawasan hulu ini. Kedua-dua pembesar ini kemudiannya bertanggjawab terus kepada Orang Kaya Besar. Bagi menjamin pelaksanaan tugas ini, Seri Adika telah menempatkan anaknya sendiri sebagai penghulu atau wakilnya di kawasan Kelian Intan dan Indah di Hulu Sungai Rui. Kejayaan dalam pentadbiran di sini menjadikan kawasan ini terus maju, hasil mengalir ke hilir Perak dan terhindarlah dari pergi ke Kedah.¹³

Zaman keemasan Sultan Iskandar yang membawa negeri berada dalam keadaan aman, maju jaya, kerabat bersatu, pembesar memberi kesetiaan dan rakyat taat kepada pemerintah berakhir dengan kemangkatan baginda pada 19 Julai 1765. Pemerintah seterusnya tidak berupaya untuk meneruskan kedaulatan yang telah dihasilkannya. Akibatnya, kawasan hulu ini kembali jatuh kepada pengaruh orang-orang Kedah dan Patani. Keadaan ini terjadi apabila penduduk di sini memberontak menentang kepimpinan anak Seri Adika

Raja sejak dari akhir pemerintahan Sultan Iskandar lagi. Apabila Sultan Mahmud Shah (1765-1777) sultan ke 16, menaiki tahta, dengan rayuan Penghulu Boton (asalnya rakyat Patani) yang telah membuat sembah hormat dan memberi pelbagai hadiah, kepimpinan anak Seri Adika Raja digantikan. Beliau memberi alasan kepimpinan anak Seri Adika Raja tidak diterima oleh rakyat lagi. Dengan janji akan memberi penuh taat setia, menjaga keamanan serta menentukan semua hasil akan dipasarkan melalui hilir (Kuala Perak), Boton telah dilantik menjadi penghulu dan menjadi wakil sultan di Kelian Intan dan Kelian Indah. Anak Seri Adika Raja terlucut dari jawatan. Dato' Seri Adika bersama dengan Dato' Seri Maharaja Lela dikekalkan jawatan tetapi dengan kuasa yang terbatas. Mereka tidak boleh campurtangan dalam sebarang urusan di kawasan bijih tersebut. Dari saat itu bermulalah kepimpinan orang Patani di kawasan ini.¹⁴

Janji dan kesetiaan, hanya tinggal janji dan kenangan sahaja. Sultan Mahmud bukan sahaja kehilangan hasil, malah telah memecahkan kesetiaan pembesar di hulu. Penghulu Boton bukan sahaja telah menguasai hasil di Kelian Intan dan Indah, malah menguasai sama hasil dari kawasan Hulu Kurau dan Hulu Larut. Hasil dari sini dipasarkan ke Kuala Muda melalui Baling dan Pulai di bawah kelolaan Kedah. Sultan Mahmud tidak dapat bertindak kerana perjalanan yang jauh lagi sukar. Penghijrahan orang Patani ke kawasan ini semakin ramai akibat dari perperangan dengan Siam dan juga tekanan dari pemerintah sendiri yang melakukan kezaliman terhadap rakyat.

Sejarah orang-orang Patani keluar dari kawasan mereka dan berpindah ke kawasan pedalaman negeri telah bermula sejak dari serangan pertama Siam ke atas Patani pada tahun 1604 lagi. Meskipun mereka telah berhijrah, mereka tetap merasakan diri sebagai orang Patani dan bukannya rakyat atau orang Perak. Kesetiaan mereka tetap kepada Patani bukannya Perak.

Kekuasaan dan pendudukan bertukar ganti antara penghulu orang Patani dengan warisan Seri Adika Raja. Kemusnahan kerajaan Melayu Patani ditangan Siam pada tahun 1786 menambahkan bilangan pelarian. Kemuncaknya apabila mereka tewas dalam perontakan tahun 1791/92. Ramai yang berhijrah menetap di kawasan Hulu Perak.¹⁵ Keadaan Perak yang lemah selepas terkeluarnya VOC pada tahun 1795, serangan Selangor tahun 1804 dan beberapa siri peperangan seterusnya, ancaman perang oleh Kedah sejak tahun 1811 lagi dan bertambahnya minat Siam terhadap Perak menjadikan pemerintahan kawasan ini menjadi semakin kucar kacir. Orang Patani memperkuatkan pendudukan mereka di kawasan Kelian Intan dan Kelian Indah. Mereka juga telah menerokai kawasan lain di Pengkalan Hulu (Keroh), Belom dan Temengor di kawasan pedalaman hulu.

Kemuncak pendudukan mereka apabila Raja Reman Tuan Tok Nik Tok Leh mengisytiharkan kawasan pedalaman Hulu Perak ini milik Reman pada tahun 1814. Pemerintahan Seri Adika Raja di kawasan ini telah dikeluarkan. Reman terus bertapak dengan membawa semua hasil-hasilnya ke Kuala Muda. Hilanglah terus pendapatan dan kawasan ini dari Perak. Reman

terus memperluaskan lagi wilayahnya ke selatan hingga sampai ke Jambai dekat Kota Tempan (tiga batu ke selatan pekan Lenggong). Namun Perak tidak pernah memperakui yang kawasan hulunya hanya setakat Kota Tempan sahaja. Beberapa siri peperangan yang dilancarkan memperlihatkan betapa Perak tidak mengiktiraf pendudukan tersebut. Walau bagaimanapun Reman tetap berkuasa sampai ke Bukit Nasah (kira-kira sepuloh batu selatan Gerik) di kawasan pedalaman hingga ke Jeram Panjang di Sungai Perak. Malahan ramai orang-orang Reman yang menetap di kawasan yang terletak ke selatan Jeram Panjang. Pertikaian ini tidak berkesudahan sehinggalah British campurtangan di Perak.¹⁶

Permasalah di Perak, khususnya di sebelah hulu telah menjaskan hasil perdagangan Perak. Hasil dari hulu tidak lagi dibawa ke hilir sebelum diperdagangkan keluar. Bagaimanapun bagi Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan, ia tidak mengalami sebarang kerugian kerana hasil dari kawasan hulu Perak terus mengalir ke sana. Hasil-hasil ini dibawa melalui Sungai Muda sebelum dibawa ke Pulau Pinang. Pulau Pinang mula terasa kehilangan hasil dari sini setelah berlaku peperangan merampas kembali oleh Perak, wabak penyakit dan pelbagai sekatan oleh Kedah di Kuala Muda. Masa ini terlihatlah kesungguhan Pulau Pinang berusaha mencari penyelesaian untuk mengadakan perdagangan terus.

Perbincangan di atas untuk memberi gambaran ringkas perihal Perak dan hubungan dagangannya dengan Pulau Pinang. Kawasan-


kawasannya yang jauh dari kawalan pusat menjadi terbiar dan diterokai oleh pihak lain. Perak mengalami kerugian dari segi hasil, tetapi Pulau Pinang tidak. Ia tetap mendapat jumlah yang sama walaupun hasil dari Perak berkurangan. British di Pulau Pinang mula melatah setelah hasil dari kawasan baru terganggu dan hasil dari Perak tidak dapat dipasarkan. Perbincangan seterusnya menjurus kepada peranan British mengambil kembali kawasan Perak yang telah diduduki Reman. Sebenarnya, British telah lama mengetahui bahawa kawasan tersebut asalnya milik Perak, tetapi kerana kepentingan dagangannya tidak terjejas, mereka membiarkan Perak berhadapan dengan masalah bersendirian. Umpamanya, serangan dan penaklukan Reman terhadap Hulu Perak diketahui oleh British, tetapi mereka tidak membantu. Namun setelah mereka campurtangan ke Perak, hal ini menjadi tanggungjawab mereka untuk menyelesaikan permasalahan persempadanan. Perkara ini mesti dilaksanakan demi maruah, masa depan politik dan ekonomi mereka di sini. Bukan kerana kepentingan persempadanan dan masa depan kerajaan Melayu naungan mereka.

4.3 PERJANJIAN PANGKOR DAN PERLUASAN WILAYAH

4.3.1 Kawasan Dinding dan Kerian.

Perluasaan wilayah British di negeri Melayu tidak berakhir dengan perwujudan Negeri Selat dan mendapat wilayah Kedah di Province Wellesley. Cita-cita pegawai British di Negeri Selat menjadi bertambah kukuh dengan pemindahan pentadbiran atasan dari India ke Pejabat Tanah Jajahan

Peta 4.2. Perak Semasa Kemasukan British



Sumber: ANM No.A 192/e.2. (UBAHSUAI)

(selepas ini ditulis PTJ) ke London pada tahun 1867. Hasil pertama ialah pembetulan sempadan Province Wellesley-Kedah pada tahun 1869.

Cita-cita dan semangat Gabenor Negeri Selat begitu tinggi dalam usaha perluasan wilayah. Mereka melihat negeri-negeri Melayu begitu berpotensi dalam memenuhi hasrat tersebut. Hasrat ini terhalang kerana dasar luar British yang tidak mahu campurtangan dalam urusan negeri-negeri Melayu. Atas desakan dari Negeri Selat dan perubahan semasa di London, dasar luar British juga turut berubah. Arahan Earl Kimberly bertarikh 20 September 1873 telah merintis campurtangan British ke atas negeri Melayu. Hasilnya pada 20 Januari 1874, Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri Selat telah menandatangani Perjanjian Pangkor dengan Raja Muda Abdullah bersama dengan pembesarnya. Perjanjian ini telah dilihat sebagai satu penaklukan terhormat ke atas negeri Perak dengan alasan untuk "mentamadunkan" kerajaan dan rakyat. Bertolak dari sini dalam tahun yang sama Negeri Selangor dan Sungai Ujong turut menerima Residen British sebagai pemerintah.

Pengalaman pahit untuk mendapatkan satu sempadan yang sesuai di Province Wallesley, dan penetapan yang rumit bagi sempadan Kedah-Perak di Sungai Kerian menjadikan British begitu teliti dalam Perjanjian Pangkor. Perjanjian ini benar-benar menambahkan wilayah Negeri Selat dengan mendapat pengesahan dan kesahihan ke atas hak milik di Pulau Pangkor, Pulau Dinding dan Kuala Kerian. Perbincangan seterusnya

memperlihatkan proses pengambilan wilayah Perak oleh British.

Bagi pendudukan ke atas Pulau Pangkor dan Pulau Dinding, fasal kesebelas perjanjian ini menetapkan:


"Syahdan maka adalah Treaty dari hal Pulau Dinding dan Pulau Pangkor yang telah terserah ke Negeri Gobermen itu sebab kurang harti sekelian perkara Treaty yang tersebut itu dan supaya boleh ditunjukkan kenyataan dengan terang dan boleh mengikut kehendak orang yang membuat Treaty itu, maka pada sekarang ini ada ditetapkan sempadan tanah itu seperti tersebut di bawah ini, iaitu; Sebelah utara sempadan tempoh dengan sempadan Negeri Larut, dari situ tuju ke darat betul sampai ke Bukit Sekari, maka dari sempadan barat itu sampai ke Pulau Katak, dari Pulau Katak tuju ke sebelah timur laut lebih kurang lima mile ke darat, maka dari situ dikerat betul sampai ke Bukit Sekari itu juga. Maka adalah peta yang sudah ditandakan dengan tulisan ada lekat bersama dengan surat pada perjanjian ini adanya".¹⁷

Perjanjian ini hanya mengesahkan sahaja tempat-tempat untuk pendudukan. Sebenarnya kawasan ini telah pun diserahkan kepada EIC (melalui Perjanjian Kapten James Low dengan Sultan Abdullah Muazzam Shah) pada 18 Oktober 1826. Bagaimanapun perjanjian ini tidak pernah disahkan oleh pihak Gabenor General di India.

Bagi kawasan selatan Kerian, hasrat British di Pulau Pinang tercapai melalui Perjanjian Pangkor. Sir Andrew Clarke telah memasukkan bahagian kuala kawasan ini ke dalam koloni mereka. Ini dapat dilihat dari Fasal ke 12 yang berbunyi;


"Sebermula maka adalah sekelian tanah yang mengalir turun oleh sungai dari selatan jatuh ke dalam Sungai Kerian, maka sekian tanah itu menjadi tanah Gobermen Iggeris supaya boleh membentulkan sempadan Province Wellesley iaitu Seberang

Peta 4.3. Kawasan Dinding Selepas Perjanjian Pangkor



Sumber: CO700 - Koleksi Peta-Peta.

Peta 4.4. Kawasan Selatan Sungai Kerian Selepas Perjanjian Pangkor



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA,

Sumber: CO700 - Koleksi Peta-Peta.

Perai yang di sebelah selatan. Maka sempadan ini mahu ditunjukkan dan ditetapkan oleh Tuan Kommisioner, satu kommissioner dari sebelah Gobermen Straits Settlements dan satu kommissioner dari sebelah Sultan Perak adanya".¹⁸

Pendudukan ini tidak menimbulkan bantahan kerana ia dipersetujui bersama dalam perjanjian yang telah menaikkan Raja Muda ke takhta Sultan dan mengembalikan semula kuasa pembesar-pembesar yang menyokongnya. Dalam keadaan terdesak, mereka tidak pernah merasai kerugian akibat kehilangan kawasan, asalkan jaminan pengekalan kekuasaan berterusan. Perjanjian ini telah melaksanakan penguasaan British di Pulau Pinang ke atas kuala sungai yang kedua. Inilah yang menjadi idaman mereka. Perak dan Pulau Pinang sama-sama dapat menyelesaikan penyukatan dan penandaan sempadan bersama di kawasan ini pada tahun 1878.¹⁹

4.3.2 Pengenalan Hak Milik Tanah (Land Title).

James Woodford W. Birch (J.W.W. Birch) banyak melihat kelemahan dan kepincangan dalam sistem pemerintahan kerajaan Melayu Perak, berbanding dengan apa yang diamalkan oleh pentadbiran British. Masalah cukai dan perhambaan menjadi agenda utamanya. Namun begitu, beliau telah terkorban pada 2 November 1875 di Pasir Salak dalam usahanya memperkenalkan sistem percukaian yang baru. Kesan perang dan jangka masa yang pendek dalam pentadbiran J.G. Davidson tidak membawa Perak ke mana-mana. Kedatangan Sir Hugh Low pada awal tahun 1877 bersama-sama dengan pengalamannya di Pulau Labuan telah berusaha untuk "membuat pulih"

negeri Perak.

Dalam usaha mengenali negeri Perak dengan lebih dekat, H. Low melakukan lawatan ke merata kawasan. Tempat pertama setelah memegang jawatan ialah ke hulu Perak, dengan destinasi utama ke Kampong Chegar Galah dan Kota Tempan. Beliau berada di Kota Tempan dari 1 hingga 4 Mei 1877 iaitu seminggu selepas beliau tiba di Kuala Kangsar pada 24 April. Beliau telah memaklum kepada ketua-ketua kampung dan penduduk di situ bahawa,

"I invited them to tell me if they were satisfied with the present state of things telling them that I had visited them for the sake of acquaintance and of acquiring information relative to their want and wishes,..... telling them that I had contemplation to advise Raja Muda to established a tax of some kind to be paid by the Malay population all over the country and that the form of tax which seemed to be most convinient was a land rent and tax known as Asil Kelamin".²⁰

Pengenalan cukai ini telah diikuti dengan pengenalan hak milik. Tidaklah seperti sebelum ini bahawa tanah itu hak milik raja dan rakyat hanya mengerjakannya sahaja tanpa ada hak pemilikan ke atas tanah tersebut. Dari sini akan lebih jelas lagi sistem persempadanan dengan ketentuan jumlah keluasan. Tidaklah lagi secara anggaran kasar sahaja. Pengenalan kepada konsep hak milik tanah persendirian ini (land tittle) sebagai asas kepada pembentukan garis sempadan yang lebih luas seperti kampung, mukim, daerah dan negeri. Dalam kontek persempadanan negeri, Perak berusaha untuk mengambil kembali apa yang terlepas, iaitu wilayah di hulu yang jatuh ke

tangan Reman sejak tahun 1814. Sebelum kepada penyelesaian di hulu, Perak terperangkap dengan permasalahan Selama yang tidak diduga.²¹

4.3.3 Pertikaian Kawasan British (Perak) Dan Siam (Kedah) Di Selama

Mengikut sumber lisan dari Perak, sempadan pedalaman antara Perak dengan Kedah ialah Gunung Inas di hulu Sungai Selama. Perkembangan British dalam menguasai kawasan dari tepi pantai ke kawasan pedalaman menyebabkan persoalan hak milik mula ditanya kembali. British yang menguasai Perak menduduki sama kawasan ini dengan memperkirakannya sebagai milik Perak. Mereka membuat interpretasi bahawa Sungai Selama adalah anak Sungai Kerian dan bukannya punca sungai tersebut.²²

Keadaan seterusnya berpunca dari pendudukan Abdul Karim bin Ibrahim (selepas ini ditulis Che Karim Selama kerana beliau lebih terkenal dengan panggilan ini), kerani Menteri Larut pada awal tahun 1870 di Kuala Selama (sebelah kanan arah mudik). Beliau membuka lombong bijih di sini dan memberi kesetiaan kepada Larut dan Perak. Manakala di kawasan Hulu Selama pula (di sebelah kanan kawasan petempatan manakala di sebelah kiri dijadikan kawasan persawahan, pada peringkat permulaan) telah dibuka oleh pelarian Patani sejak tahun 1830an. Ketua masyarakat setempat telah membuat perakuan taat setia kepada Che Long Jaafar di Larut. Sedangkan pada masa itu kawasan Kuala Mahang (satu lagi anak sungai Kerian di sebelah kiri arah mudik dan di sebelah hulu Sungai Selama) dan Kuala Selama berada di bawah Penghulu Selama dalam negeri Kedah. Keadaan ini berlaku kerana Wan Abdul

Jamal bin Wan Abdul Fatah (di Hulu Selama, Wan Abdul Jamal dikenali dengan nama Sheikh Mohd Asib yang membuka kawasan ini bersama To' Haji Jawa dan To' Awang) yang mengetuai penduduk di sini tidak mahu bertuankan Kedah di bawah Siam. Beliau beralih ke Larut untuk mencari pengiktirafan dan perakuan pendudukan. Beliau telah menggunakan Sungai Kerian dan laluan laut untuk sampai ke Larut. Che Long Jaafar telah melantik beliau menjadi ketua (penghulu) orang Patani di Hulu Selama. Beliau kemudiannya menyerahkan jawatan ini kepada anaknya Mat Dahari. Jadi kawasan ini (Lembah Selama) telah diduduki oleh orang Patani di sebelah hulu dan orang Rawa di sebelah kuala semasa British masuk ke Perak.²³


British menduduki kawasan ini kerana ia adalah kawasan Perak. Hasil bijihnya memberikan hasil kepada Perak dan Pulau Pinang. Pentadbiran Che Karim telah diiktiraf oleh Sultan Abdullah Muhammad Shah II (1874-76) sultan ke 26 pada Mei 1874 dengan mengecualikannya dari membayar cukai ekspot bijih untuk selama tiga tahun. Ini sebagai galakan dari usaha beliau yang telah membuka kawasan ini serta membawa orang-orang Rawa ke sini. Manakala Penghulu Mat Dahari bin Sheikh Mohd Ashib terus berkuasa di Hulu Selama. Pentadbiran Sir Andrew Clarke kemudiannya telah memasukkan kawasan Kuala Selama yang banyak hasil bijih ke dalam pentadbiran di Province Wellesley setelah membuat perjanjian berasingan dengan Che Karim. Tindakan beliau mendapat bantahan dari pihak Kerajaan Perak. Akhirnya Gabenor Sir William Jervois menyerahkan kembali kawasan ini kepada Perak

pada penghujung tahun 1875. Beliau telah melantik E. Sinclair menjadi Pemungut Hasil dan Majesteret. Jawatan Che Karim sebagai pemerintah dan Majesteret Kehormat dikekalkan sehingga tahun 1880. Ia berakhir setelah penguatkuasaan pentadbiran daerah dilaksanakan di sini.²⁴

Satu pertikaian pendudukan timbul setelah Perak melaksanakan sistem pentadbiran daerah di sini. Di bawah sistem ini seorang Pemungut Hasil dan Majesteret ditempatkan di sini bagi menjalankan kedua-dua tugas ini yang dahulunya dijalankan bersama dengan Che Karim. Sistem cukai yang lebih teratur diperkenalkan. Melihatkan perkembangan ini, Kedah menuduh Perak menceroboh kawasan haknya di sebelah kiri arah mudik Sungai Selama. Kedah menduduki kawasan ini sebagai tindak balas dari pelaksanaan sistem cukai tersebut. Hal inilah yang telah menimbulkan perbalahan. Perkara ini telah diperpanjangkan ke Singapura dan Bangkok apabila Perak menghalang pencerobohan Kedah dan terus menduduki semula kawasan pertikaian oleh Kedah. Akhirnya dipersetujui supaya kes ini diselesaikan antara Kerajaan Siam dengan Kerajaan British bagi pihak yang bertelagah, setelah dibuat penyiasatan oleh kedua-dua pihak.²⁵

Pihak Kedah dan Siam yang membuat penyiasatan, tetap menyatakan bahawa Sungai Selama adalah punca Sungai Kerian berdasarkan pandangan orang tua-tua tempatan. Perak tidak dapat menerima kenyataan ini, malahan mengekalkan pendudukannya dengan menempatkan Mr. Brewster

Peta 4.5. Pertikaian Kawasan Di Selama



Sumber: Peta Perak Dalam Atlas Kebangsaan Malaysia (UBAHSUAI)

bagi mengetuai pentadbiran daerah sebagai Pemungut Hasil dan Majesteret. Langkah ini tidak pula ditentang oleh Kedah kemudiannya. Apabila Sir Frederick Weld melawat ke Selama pada bulan Jun 1882, terbongkarlah rahsia bahawa maklumat yang dikemukakan oleh orang tua-tua kepada Pesuruhjaya Siam sebelum ini adalah sengaja diada adakan atas paksaan Kedah. Dengan itu beliau telah mengarahkan Sir Hugh Low untuk memperkuatkan lagi pentadbiran dan menempatkan polis untuk kawalan keselamatan. Bagi Gabenor Weld, persoalan Selama sudah tidak timbul lagi. Ia adalah milik Perak yang tidak perlu dipersoal dan diungkitkan lagi²⁹.

4.4 PERTIKAIAN KAWASAN BRITISH (PERAK) DAN SIAM (REMAN) DI HULU PERAK

Pihak EIC di Pulau Pinang pernah diberitahu bahawa Orang Reman telah menakluki Hulu Perak (kawasan bijih di Kelian Intan dan Kelian Indah) pada tahun 1814. Mereka tidak berminat untuk ambil tahu apatah lagi untuk campurtangan. Lebih-lebih lagi setelah pemimpin di sini (Penghulu Keroh dan Betong, Patani) menawarkan pula untuk menjual bijih ke Pulau Pinang. Persoalan membawa hasil dari sini melalui Kedah telah menjadi satu dari punca ketegangan perhubungan British dengan Kedah. Akhirnya membawa kepada penyelesaian jalan laluan melalui perjanjian tahun 1869 (bab 3). Masa terus beredar dan British telah masuk ke Perak. Jika sebelumnya mereka bersusah payah mencari jalan laluan untuk membawa hasil dari sini, tetapi kali ini mereka mahu masuk terus kerana bertanggungjawab memenuhi

kehendak Perak untuk mengambil semula wilayahnya yang diduduki Reman..

Lebih-lebih lagi kawasan ini kaya dengan bijih yang menjadi pendorong kuat kepada usaha mereka.²⁷

J.W.W. Birch dan Frank Swettenham, telah mengetahui akan hal ini.

"After a bathe in the evening we had a long talk round our coffee with Sedika Rajah's son, Toh Muderaoh. His father is dead, and I am anxious to see the result of the new appointments by the sultan. I should wish to see this son appointed in the father's room. Toh Muderaoh tell us as regards Perak that some time 50 or 60 year ago the Perak people in the interior had disputes with Patani which ended in fighting, this fighting sometimes of resulting in favour of Perak, and sometimes of Patani, at last however it appears to Patani people got best of it, and drove the the Perak people out of a large tin district, extending from Perak and Patani boundary pillar down to Jeram Panjang about 12 days journey on elephants from here. Since then the Rajah of Patani has collected the taxes here, and is there taxed by Rajah of Kedah".²⁸

J.W.W. Birch tidak sempat untuk menyelesaikan permasalahan di atas kerana telah mati pada 2 November 1875. Usaha ini kemudiannya telah diteruskan oleh Sir Hugh Low. Swettenham bersama-sama dengan Birch pada masa tersebut telah memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengambil semula wilayah Perak. Beliau dibantu oleh pegawai atasannya yang berfahaman sepertinya iaitu mengembangkan pengaruh dan wilayah British. Sebenarnya banyak faktor lain yang turut menyumbangkan kesungguhan British untuk menuntut dan mengusahakan pengembalian semula wilayah ini. Antaranya ialah kesan dari pembunuhan ke atas Birch telah memaksa mereka

masuk ke kawasan ini. Mereka dapat melihat sendiri keadaan kawasan yang boleh membawa keuntungan kepada mereka. Selain dari bijih, kawasan ini kaya dengan hasil hutan, gajah, sesuai untuk kawasan pertanian, penting dari segi jalan laluan, memperolehi satu kawasan baru dan juga penguasaan terhadap gunatenaga. Semua ini penting kepada perkembangan politik dan ekonomi mereka di Perak dan juga perdagangan di Pulau Pinang.

4.5 PERUNDINGAN

Tidaklah mudah bagi Perak mendapatkan kembali wilayahnya di sebelah hulu ini. Ia terpaksa melalui perjalanan yang sukar dan memakan masa yang panjang. Sebanyak dua kali perundingan terpaksa diadakan. Pertama, bermula dari tahun 1882 hingga Julai 1887 dan rundingan yang kedua pada tahun 1897 hingga tercapai perjanjian pada 2 November 1899. Kedua-dua perundingan ini telah melibatkan perhubungan surat menyurat dan rundingan antara dua kerajaan British dengan Siam. Perkara yang menarik, pihak yang menuntut, Perak hanya menyediakan bukti. Pihak yang kena tuntut, Reman hanya menjadi tempat untuk disiasat sahaja. Mereka tidak berperanan untuk bersidang, berunding dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan mereka yang dipertikaikan.

Gambaran ringkas yang menunjukkan arah pusingan surat menyurat dan juga perundingan yang telah dijalankan seperti berikut.

- a. Residen Perak ke Singapura
- b. Singapura ke Pejabat Tanah Jajahan

- c. Pejabat Tanah Jajahan ke Pejabat Luar Negeri
- d. Pejabat Luar Negeri ke Menteri Residen di Bangkok
- e. Menteri Residen ke Menteri Luar Siam
- f. Dan surat ini berpatah balik untuk jawaban

Satu lagi kumpulan ialah:

- a. Residen Perak ke Singapura
- b. Singapura ke Menteri Residen di Bangkok
- c. Menteri Residen ke Menteri Luar Siam
- d. Dan surat ini berpatah balik untuk jawaban

Ada satu lagi surat menyurat dan perbincangan:

- a. Pejabat Luar ke Perwakilan Siam di London
- b. Perwakilan Siam di London ke Menteri Luar Siam
- c. Dan surat ini berpatah balik untuk jawaban

Selain dari surat menyurat, ada satu lagi proses iaitu perundingan terus di London antara Pejabat Tanah Jajahan, Pejabat Luar Negeri dengan perwakilan Siam. Di Bangkok pula, antara Menteri Residen dengan Menteri Luar atau Raja Siam sendiri.

4.5.1. Perundingan Pertama

Kisah tuntutan sempadan ini bermula apabila Pemangku Sultan Perak Raja Muda Yusof menulis kepada Hugh Low dengan membuat aduan rasmi pada 19 April 1882. Baginda melampirkan kenyataan bertulis Syed Alahadin tentang sejarah awal pemerintahan, kawasan yang menjadi sempadan

asal, hasil-hasil yang ada dan juga perkembangan bagaimana kawasan itu **boleh jatuh** ketangan Reiman. H. Low memperpanjangkan surat ini kepada **Gabenor Sir Frederik Aloysios Weld**, yang kemudiannya memajukan ke **Pejabat Tanah Jajahan**, London pada 3 Jun 1882. Lord Kimberley **kemudiannya** memajukan ke Pejabat Luar Negeri pada 20 Julai supaya **diadakan perundingan** dengan pihak Kerajaan Siam.²⁹

Selepas lima bulan dari surat Lord Kimberley, Pejabat Tanah **Jajahan** menerima kembali balasan dari Pejabat Luar bersama-sama surat **balasan dari** Bangkok pada awal Disember 1882. Menteri Luar Siam Putera **Devawongse** Varoprakar telah mempertikaikan tuntutan Perak dan **mempersoalkan** kesahihan alasan serta bukti-bukti yang dikemukakan oleh **Perak**. **Walau** bagaimanapun beliau memberi perakuan bahawa pintu rundingan **adalah terbuka** dengan syarat Perak dapat memberikan bukti-bukti kukuh lagi **sah**. **Dengan** pengakuan ini dan arahan supaya boleh berhubung terus dengan **Menteri Residen** (Ejen Kerajaan British) di Bangkok, maka proses surat **menyurat** dan perundingan bermula dan berlanjutan. Masing-masing **menyediakan** bukti dan menafikan bukti pihak lain.³⁰

Tidak cukup dengan surat menyurat, Sir F. Weld, Hugh Low **dan Raja Dris** turut datang ke London untuk merundingkan perkara tersebut **dengan wakil** kerajaan Siam di sana. Tetapi tidak berjaya mencari jalan **penyelesaian**. Ia disambung pula oleh Frank Swettenham yang dilantik khas **untuk mewakili** kerajaan Perak. Ia juga tidak menampakkan tanda positif

kepada apa yang dituntut dan tawaran ganti rugi. Sementara itu di Bangkok rundingan diadakan antara Menteri Residen yang bermula dengan W.H. Newman, kemudiannya diganti oleh Ernest M. Satow pada 6 Mac 1884. Mereka mengadakan perundingan terus dengan Menteri Luar dan kadang-kadang dengan Raja Siam sendiri. Keputusannya Menteri Luar Siam bersetuju datang ke London untuk berunding kepada beberapa persetujuan lanjut. Tetapi pada saat akhir sebelum beliau bertolak ke London, pihak Majlis Di Raja Siam membuat keputusan tidak memperakui dan menolak tuntutan Perak. Beliau ke sana sekadar untuk memberitahu bahawa Siam menolak semua tuntutan Perak pada 1 Julai 1887. Tindakan Siam yang begitu berahsia menyebabkan M. Satow yang menjadi pengiring tidak mengetahui keputusan Siam. Tuntutan ini tinggal tergantung sementara menunggu peluang untuk perundingan semula.³¹

4.5.2. Perundingan Kedua

Kegagalan rundingan pada 1 Julai 1887 tidak mengakhiri tuntutan Perak. Perundingan akan dibuat semula apabila ada peluang terbuka. Sementara menanti peluang terbuka, hubungan tiga penjuru British-Siam dan negeri Melayu terus berjalan lancar. Banyak perkara dan kejadian berlaku dari tahun 1887 sehingga tahun 1897 sebelum Perak mendapat ruang terbuka untuk membuat tuntutan semula. Pihak British yang sentiasa mencari peluang mendapat kesempatan pertama pada awal tahun 1888. Setelah berlakunya pemberontakan pelombong-pelombong Cina di Kulim, Gabenor Cecil Smith

telah mengharamkan penjualan senjata api dan peluru kepada Kedah. Atas alasan Pulau Pinang telah sama-sama membantu Siam di Kedah dalam memerangi pemberontakan, Pemangku Residen Konsular telah menyuarakan pandangannya kepada Gabenor C. Smith untuk merayu Kerajaan British membuka kembali perundingan ke atas tuntutan Perak. Cadangan ini mendapat sokongan Pejabat Tanah Jajahan tetapi tidak dipersetujui oleh Marquis Salisbury, Setiausaha Pejabat Luar Negeri.³² Maka tututan ini terus tinggal tergantung tanpa sebarang tindakan susulan.

Pembentukan Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 telah membuka peluang baru kepada perundingan semula masalah sempadan dan kawasannya. Inisiatif ini dibuat oleh Frank A. Swettenham, Residen General pertama. Satu lagi yang menjadi dorongan ialah Perjanjian Rahsia pada tahun 1897. Hasil dari perjanjian ini, Negeri Selat diberitahu supaya jangan campurtangan dan mengambil apa-apa tindakan ke atas Negeri Melayu Siam. Mereka hanya perlu melaporkan sahaja jika ada apa-apa khabar dan berita yang menunjukkan terdapatnya pemberian konsessi kepada kuasa asing di kawasan tersebut. Berpandukan arahan ini, F. Swettenham merasakan perlu baginya untuk membuka kembali kes tuntutan Perak. Dengan sokongan Gabenor Charles Mitchell, perkara ini telah dibawa ke pengetahuan kerajaan di London pada pertengahan tahun 1897.³³

Sedang urusan surat menyurat antara Pejabat Luar Negeri dengan Menteri Residen di Bangkok dan Menteri Luar Siam berjalan, C. F.

Bozollo yang menjadi Majistret Hulu Perak mendapat satu peluang untuk membesar-besarkan tuntutan Perak. Keadaan ini berpunca dari kes pembunuhan di Reman yang melibatkan rakyat Kedah, Reman dan Perak. Oleh kerana komplikasi dari segi perundangan dan juga suasana serta keadaan rundingan yang sedang berjalan, nada mendesak hanya datang dari C.F Bozollo sahaja, manakala Pemangku Residen Perak, Residen General Negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri Selat agak sederhana dalam urusan ini. Namun begitu mereka menaruh keyakinan perkara ini boleh dibawa ketengah untuk dirundingkan. Keynnersley yang menulis bagi pihak gabenor mencatatkan:

"I have requested him (Her Majesty Resident Minister at Bangkok) to approach the Government of Siam on the question of jurisdiction over the territory of Reman and to suggest its being divided between Perak and Siam within which ever territory any criminal may be arrested, until such time as Her Majesty's Government and that of Siam come to a settlement of the Perak-Reman boundry question, which is now occupying the attention of Her Majesty's Foreign Office".

Secara ringkasnya kejadian kes yang diketengahkan oleh C.F. Bozollo ialah:

"Satu rompakan dan pembunuhan berlaku di Dusun. (Reman). Peristiwa ini membabitkan Awang Che Nek peniaga dari Pulai, Kedah bersama pembantunya Sahit. Dalam perjalanan pulang dari bermiaga di Perak, mereka ditumpangi oleh Abu, hamba Penghulu Haji Mat Hassan, Kuala Kenering, Perak. Mereka kemudiannya diekori oleh 3 orang dikenali Mat Aris (keluarga penghulu Haji Mat Hassan), Wan Mat Salleh (anak saudara Raja Krunei-Tumong Petani) dan Suria (bekas hamba Raja Krunei). Mereka bertiga dilaporkan oleh Sahit dan Abu sebagai pembunuhan dan merompak \$250.00 dari Awang Che Nek. Mereka terselamat setelah berjaya melarikan diri dikejar oleh pembunuhan-pembunuhan tersebut".³⁴

Permasalahan dalam kes ini ialah, yang dibunuh rakyat Kedah (Siam), mati dibunuh di Reman (bawah Siam), pembunuhan seorang rakyat Perak dan ditangkap di Perak, manakala dua orang lagi yang bebas ialah rakyat Reman. Perbicaraan dicadangkan oleh Bozzollo akan dikendalikan di Taiping untuk memudahkan kehadiran saksi. Di lihat dari sudut undang-undang pada masa itu, Mat Aris tidak boleh diadili dan dihukum di Perak kerana kejadian itu berlaku di Reman yang melibatkan "de factor" dengan "de jure". Inilah yang melembutkan nada dari Perak dan Gabenor Mitchell ke atas kes ini. Untuk mengatasi masalah ini, mereka meminta Pejabat Tanah Jajahan memanjangkan kes ini ke Bangkok supaya membantu untuk menangkap pembunuhan lain yang masih bebas dan dibicarakan di mana tempat yang mereka boleh di sabitkan kesalahan. Walau bagaimanapun, Perak dan Gabenor Mitchell mendapat ruang bahawa persoalan sempadan mesti diselesaikan segera supaya kes sebegini tidak berulang lagi dan Reman akan dijadikan "AL SATIA".

Apabila surat ini sampai ke London pada 14 Feb 1898, hampir semua pegawai di Pejabat Tanah Jajahan membuat catatan bersetuju dengan masalah teknikal dari segi perundangan untuk mendakwa dan menghukum penjenayah. Mereka juga sepakat bahawa kes ini mesti dipanjangkan ke Pejabat Luar Negeri untuk penyelasaian segera masalah sempadan. Umpamanya, dalam memo dari C.P Lucas (pegawai tetep di pejabat ini) kepada M. Wingfield menulis;

"if legal considerations permit, as Mr. Willson think, Mr. Kynnersley course is sensible and wise ... We must try and get this boundary as soon as possible and this difficulty furnishes a strong ground for reparing it upon the Government of Siam".

Pejabat Luar Negeri juga bersetuju bahawa masalah teknikal dari segi "jurisdiction" menghalang untuk membicarakan kes ini di Perak. Mereka memaklumkan supaya kes perbicaraan ditangguhkan sementara kerana urusan tuntutan sempadan sedang dalam perundingan antara Menteri Residen George Greville dengan Kerajaan Siam di Bangkok. Gebenor Negeri Selat telah dimaklumkan hal ini pada 14 Mac 1898. Meskipun tidak ditulis dalam surat, tetapi ada catatan dari Lucas kepada Wingfield untuk memaklumkan kepada Swettenham supaya tahanan di bebaskan.³⁵

Sementara itu di Bangkok, surat Swettenham pada pertengahan tahun 1897, telah disampaikan oleh Greville pada 2 November 1897 kepada Devawongse. Beliau mengambil masa lebih dari lima bulan untuk membalas surat tersebut. Dengan surat 23 April 1898, sekali lagi jawapannya mengecewakan pihak yang menuntut.³⁶ Greville memaklumkan bahawa Raja Siam dan "Queen Regent in Council" memutuskan bahawa tuntutan Perak tidak mempunyai asas. Apa yang dituntut oleh Perak bukanlah satu pertikaian kawasan sempadan antara Perak dan Reman. Tetapi merupakan satu tuntutan ke atas kawasan Reman seluas 2,300 batu persegi yang kaya dengan sumber galian. Greville pula mempertikaikan sejarah lama sebagai bukti yang dikemukakan oleh Perak. Beliau menganggap kes ini sebagai kes baru dan tidak

langsung menimbulkan kes tuntutan ini pernah diperbincangkan sehingga kepada kegagalan di London pada 1 Julai 1887.³⁷

Kegagalan dalam percubaan ini tidak mematikan usaha Perak. Tindakan terus dilakukan oleh Perak dan Pejabat Tanah Jajahan untuk menarik perhatian Siam dalam penyelesaian kes ini dengan segera. Pihak pentadbir yang mewakili Pejabat Tanah Jajahan di bawah pimpinan Chamberlain, Negeri Selat di bawah Charles Mitchell dan Negeri Melayu Bersekutu pula di bawah Frank Swettenham sepemikiran dalam cita-cita perluasan wilayah British di negeri Melayu. Mereka juga mahu menyekat pengaruh Siam dari terus menular ke selatan "supaya tidak menjatuhkan imej British".³⁸ Tindakan pantas Pejabat Tanah Jajahan ialah mendesak Pejabat Luar untuk merestui Gabenor dan F. Swettenham menjadi wakil perunding British dengan Siam di Bangkok dengan taraf Pesuruhjaya British.

Di sebelah Siam, mereka tidak mahu menerima kedatangan pesuruhjaya ini. Alasan mereka supaya tidak menjadi ikutan kepada Perancis di Indo-China. Sebaliknya mereka sedia berunding dengan menteri Residen Greville. Sorong tarik masalah perunding ini telah membawa kepada tawar menawar antara kedua pihak dalam mencari penyelesaian.³⁹

Pada 10 Februari 1899, Greville mengirim telegram ke London menyatakan hasrat Raja Siam untuk menyelesaikan segera permasalahan sempadan di Semenanjung Melayu dan mengadakan ekstradisi antara Kerajaan Siam dengan Kerajaan British. Greville mencadangkan supaya Kerajaan British

bersetuju untuk menetapkan kawasan sempadan antara pengaruh Siam dengan British sebagai mana yang ditandakan dalam peta milik "Royal Society" tahun 1898. Mengenai ekstradisi, cadangan dibuat untuk mengikut artikel sebagaimana yang dikuat-kuasakan di Cheingmai melalui perjanjian 30 November 1885. Pejabat Luar Negeri meminta Chambelain memberi pandangan terhadap kenyataan ini. Pejabat Tanah Jajahan, dalam ulasannya menekankan bahawa ekstradisi yang dibenarkan ialah antara Negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu dengan Siam, bukannya dengan Kerajaan British. Pejabat Luar Negeri diberitahu supaya mengarahkan Greville menghubungi Gabenor Mitchell untuk sama-sama memberikan pandangan.⁴⁰

Hasrat dan minat pihak Siam untuk menyelesaikan kes ini kian terserlah. Raja Siam berhasrat menyerahkan 1,000 batu persegi kawasan tuntutan Perak jika kerajaan British sanggup menghapuskan "Penjadual" (Schedules) dalam Persetujuan Tahun 1856. Menteri Residen Greville meminta pihak di London dan Singapura menyetujui cadangan Raja Siam ini dengan segera. Baginda akan keluar negeri pada 22 Ogos dan kedatangan Menteri Perancis ke Bangkok memungkinkan berlakunya perubahan fikiran atau akan wujud banyak lagi komplikasi.⁴¹

Bagi memudahkan perbincangan tentang cadangan ekstradisi dilaksanakan di negeri Melayu, Pejabat Luar Negeri telah memajukan kepada Pejabat Tanah Jajahan satu surat khas berkenaan perkara itu dan melampirkan perjanjian sempadan Kedah 6 Mei 1896. Pihak Pejabat Luar bersetuju dengan

cadangan ekstradisi kerana Siam telah menerima Akta penyerahan pesalah-pesalah tahun 1881 melalui Perintah Lembaga Di Raja Siam pada Artikel 57 bertarikh 20 November 1889⁴².

Surat ini telah menimbulkan perbincangan hangat di kalangan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan. Mereka tidak mahu menerima terus cadangan Pejabat Luar kerana ia melibatkan banyak masalah kerana :-

- a. Raja Siam masih mempunyai Extra territorial Jurisdiction di Siam
- b. Pandangan pandangan Gabenor Mitchell dan Residen General Swettenham perlu diambil kira kerana telah disetujui, sebarang perundingan mesti dirujuk kepada mereka.

Tambahan pula persoalan ini melibatkan rakyat di bawah pentadbiran mereka. Sebagai satu tindakan kepastian, Pejabat Tanah Jajahan telah menghantar dua orang pegawainya Mr. Johnson dan Mr. Cox untuk berbincang dengan pegawai Pejabat Luar Negeri. Mereka mahukan penjelasan kenapa Pejabat Luar Negeri (Setiausaha Salisbury) bersetuju dengan ekstradisi. Dalam perbincangan tersebut, ternyata Pejabat Luar Negeri sebenarnya yang berjanji untuk menyerahkan pesalah-pesalah dari rakyat Melayu Negeri Melayu Bersekutu kepada Siam. Ini setelah mengambil kira ekstradisi dalam surikata sebenarnya ke atas seluruh rakyat di negeri-negeri tersebut. Bagi rakyat-rakyat lain kepada Negeri Melayu Bersekutu (Negeri Melayu), orang asing dan rakyat British tidak boleh dilakukan kerana Raja Siam mempunyai

Extraterritorial Jurisdiction.⁴³

Perbincangan ini banyak memberi bantuan kepada pegawai Pejabat Tanah Jajahan untuk melihat permasalahan yang timbul jika dilaksanakan. Mereka membuat kesimpulan, perkara ini tidak semudah perlaksanaan perjanjian 6 Mei 1869 di Kedah dan perjanjian 1885 di Chiengmai. Oleh yang demikian, mereka berpendapat perkara ini mesti dirujuk kepada Gabenor Mitchell di Singapura.⁴⁴ Semasa di London sedang sibuk berbincang tentang ektradisi, Menteri Residen Greville di Bangkok telah mendapat cadangan dari Putera Devawongse akan kawasan yang dipersetujui untuk diserah oleh Raja Siam dengan syarat pemansuhan "Penjadualan" pada persetujuan 1856. Kawasan sempadan yang dicadangkan akan menjadi pembahagi kawasan yang berada dalam pengaruh Siam dengan yang berada dalam pengaruh British:

"Sempadan Province Wellesley (Seberang Perai) seperti Perjanjian 6 Mei 1896. Dengan mengikut Sungai Kerian hingga ke punca (hulunya) di Gunung Bintang. Satu garisan lurus dari Bintang ke simpang Sungai Sungai Rhui dengan Sungai Perak (Kuala Sungai Rhui), dalam garisan lurus lagi ke Simpang Sungai Sengo dan Sungai Perak (Kuala Sungai Sengo). Garisan ini menuju ke utara hingga ke punca utamanya. Itu sempadan Perak. Bagi Pahang dan Terengganu pula ikut garisan aliran selatan Sungai Kemaman dan selatan aliran Sungai Chendor ke pertumuan di Teluk Siam (di tepi pantai Laut China Selatan)".⁴⁵

Dalam telegram ini juga Greville memberitahu bahawa Siam lebih suka menggunakan istilah **kawasan atau wilayah (possession or territories)** dari perkataan taklukan Siam (Siamese Dependencies) ke atas

Negeri Melayu Siam. Raja Siam telah membatalkan lawatannya untuk penyelesaian segera kes ini. Baginda juga telah memberi tawaran kepada rakyat British kemudahan melombong di Reman jika kedua-dua perjanjian ini dipersetujui. Setelah perkara ini diperbincangkan di London, pihak Pejabat Tanah Jajahan tidak berapa jelas dengan tempat-tempat tersebut dan mahukan Gabenor Mitchell memberi pandangan dan ulasannya.

Gabenor Mitchell telah dihubungi untuk pandangannya dan Pejabat Luar juga telah mengarahkan Greville supaya merujuk kepada Mitchell. Sebagaimana biasa Mitchell dan Swettenham tidak bersetuju dengan cadangan Siam untuk ekstradisi bagi semua negeri kerana ia juga melibatkan kedaulatan sempadan sampai ke Kelantan dan Terengganu. Bagi mereka ekstradisi hanya untuk Perak dengan Kedah dan Reman sahaja. Kelantan dan Terengganu adalah satu persoalan lain dan hendaklah diiktiraf sebagai satu perkara baru untuk dikemukakan. Mereka berpendapat Kelantan dan Terengganu adalah negeri bebas. Pandangan ini telah dimajukan oleh Gabenor Mitchell ke London dan juga ke Bangkok.⁴⁶

Di Bangkok, Menteri Residen Greville telah berjaya mendapatkan persetujuan Raja Siam tentang cadangan F. Swettenham tetapi tertakluk kepada beberapa perubahan. Raja Siam tetap menekankan supaya perjanjian ini dibuat serentak dengan ekstradisi. Kawasan yang telah dipersetujui ialah seperti A, B, C, D, E, dalam peta Swettenham. Bagi sempadan-sempadan lain, mengikut seperti peta Royal Asiatic Society, cuma

sempadan Pahang dan Terengganu di tepi laut adalah Bukit Singa dan bukan Sungai Chendor.⁴⁷

Menteri Residen Greville dalam suratnya juga merayu kepada Gabenor Mitchell supaya menerima persetujuan Raja Siam. Ini memandangkan persoalan Kelantan, Terengganu dan ekstradisi telah diiktiraf oleh Kerajaan British. Lebih-lebih lagi Siam telah berjanji untuk menyerahkan kawasan lebih kurang 900 batu persegi serta peluang melombong bijih di Reman. Dalam surat ini juga Greville memajukan cadangan draf perjanjian.⁴⁸

Residen General Swettenham agak berlembut dengan cadangan ini. Ini kerana sempadan Perak/Reman adalah mengikut peta cadangannya. Walau bagaimanapun untuk ektradisi dan sempadan Pahang, Terengganu dan Kelantan, beliau masih tidak berpuas hati dan mahu perkara ini dirunding dahulu dengan Sultan Pahang. Beliau terus melahirkan rasa kurang senangnya kenapa Kerajaan British yang bersungguh-sungguh mahukan Kelantan dan Terengganu diletakkan di bawah penguasaan Siam. Sedangkan tindakan tersebut membawa pengertian pengiktirafan pendudukan Siam dan peluang untuk British bergerak ke utara lagi akan tersekat. Sementara itu, Gabenor Mitchell adalah pengesah pendapat Swettenham yang tidak dipersoalkan lagi.

Kandungan surat yang hampir sama juga dimajukan oleh Greville ke London pada 16 Ogos.⁴⁹ Dalam surat balasan dari Gabenor Mitchell mengenai draf cadangannya bersama-sama memorandum Swettenham, hanya mahukan ekstradisi di Reman dan Kedah sahaja. Mereka masih

membangkitkan lagi soal Kelantan dan Terengganu.⁵⁰ Pejabat Luar Negeri kemudiannya telah mencadangkan supaya kedua pegawai tersebut diberitahu tentang Perjanjian Rahsia ini.⁵¹ Pejabat Tanah Jajahan hanya bersetuju untuk memberitahu mereka supaya jangan membangkitkan lagi kes Kelantan dan Terengganu dalam perbincangan sempadan.⁵² Selaku pegawai yang bertanggungjawab ke atas peranan British di negeri Melayu, Gabenor Mitchell segera menjawab telegram dari London.

Pada 22 September beliau melahirkan rasa kesalnya dengan mengenepikan persoalan negeri Kelantan dan Terengganu dan dengan tegas menyatakan:

"I should prefer abandonment of proposel altogether. My secret despatch as its to you, please await"⁵³

Pandangan Mitchell diambil kira oleh Chamberlain dan beliau memberitahu Salisbury supaya menunggu "dispatch" Mitchell yang akan sampai sebelum memberi apa-apa arahan kepada Greville.⁵⁴ Salisbury juga tidak membantah cadangan Chamberlain, hanya menambah jika cadangan-cadangan Mitchell itu nanti boleh merosakkan suasana perundingan sekarang, rundingan akan diteruskan tanpa mengambil kira pada pandangan tersebut.⁵⁵

Sementara itu di Bangkok, Greville sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan Raja Siam dan Mitchell dalam penyelesaian ini. Bagi Greville, Raja Siam telah bertolak ansur dalam soal sempadan dan ekstradisi. Satu telegram dimajukan kepada Mitchell supaya menerima pengubahsuaian

sempadan Kelantan dan Terengganu sebagaimana Reman. Mitchell telah merujuk perkara ini ke London dengan menyatakan:

"I do understand British Goverment recognised sovereignth of Siam over Kelantan and Terengganu with right to adjust boundaries and make treaties as behalf of those states. If not strongly advise dealing with Reman separately".⁵⁶

Kelihatan sekarang Gabenor Mitchell mula mengalah setelah perkara di atas menjadi dasar luar Kerajaan British. Telegram ini telah menimbulkan perbincangan hangat di Pejabat Tanah Jajahan tentang darjah pengiktirafan sebenar Kerajaan British ke atas "kedaulatan" Siam di negeri Kelantan dan Terengganu. Ada yang berpendapat;

"By the 1897 Convention, we did not definitely recognise the sovereignty of Siam over Kelantan and Terengganu but we recognised her sovereignty as against any third power".

Namun keseluruhan mereka bersetuju;

"We have however now settled definitely to recognise them as Siamese dependencies under the new agreement".⁵⁷

Pejabat Tanah Jajahan dalam perundingan ini terpaksa banyak bersetuju dengan Pejabat Luar Negeri. Oleh kerana pihak Pejabat Luar Negeri mahukan penyelesaian segera kes ini, Pejabat Tanah Jajahan turut akur sebagaimana catatan Earl of Selborne, "I would give Mr. Greville full authority to conclude the arrangement".⁵⁸

Akhirnya Pejabat Tanah Jajahan dengan berdasarkan ulasan-ulasan yang dibuat oleh pegawainya memutuskan kepada Pejabat Luar Negeri memperakui perkara ini untuk bantuan perundingan di Bangkok.

- a. Reman dianggap sebagai wilayah Siam
- b. Kelantan dan Terengganu sebagai jajahan Siam.
- c. Penyelesaian sempadan mestilah dengan menubuhkan satu suruhanjaya bersama.
- d. Sempadan Reman mestilah dirundingkan berasingan dengan sempadan lain.
- e. Salah faham Mitchell dan Swettenham tentang Kelantan dan Terengganu kerana mereka tidak tahu dan tidak diberitahu tentang Perjanjian Rahsia 1897. Apakah perlu mereka diberitahu.⁵⁹

Pada awal November 1899, Gabenor Mitchell telah diberitahu keputusan akhir yang telah dibuat antara pejabat Tanah Jajahan dengan Pejabat Luar untuk dijadikan panduan oleh Menteri Residen Greville.


- a. Sempadan Province Wallesley dengan Kedah dan Kedah dengan Perak seperti cadangan Swettenham dalam memorandumnya dalam surat rahsia Mitchell 12 September.
- b. Sempadan Perak-Pahang dan Perak-Kelantan, Terengganu-Pahang dicadangkan berasingan dengan sempadan Perak-Reman.
- c. Kedudukan Reman dan Kelantan serta Terengganu seperti para (a) dan (b) di atas.
- d. Pandangan Mitchell telah diambil kira (surat 12 September) dan diberitahu kepada Siam persoalan Ekstradisi mesti dibuat

berasingan dengan mengambil kira terhadap layanan yang wajar kepada pesalah-pesalah.⁶⁰

Menteri Residen Greville terus bekerja keras di Bangkok. Beliau telah berulang alik untuk menemui Putera Devawongse bagi mendapatkan persetujuan bersama sebelum dibawa kepengetahuan Raja Siam. Secara keseluruhannya beliau bertindak mengikut memorundum Swettenham pada 29 September 1899 kepada Mitchell dan bantuan arahan telegram dari Pejabat Luar Negeri. Akhirnya pada 18 November 1899, Greville bersama-sama Devawongse telah mendapat kata sepakat untuk menyediakan draf perjanjian sempadan yang melibatkan negeri di bawah pengaruh British dengan mengugurkan persoalan Ekstradisi. Persetujuan mereka tentang sempadan seperti berikut;

- a. Sempadan Perak-Kedah: dari Bukit Tunggal di tepi Sungai Kerian ikut sungai ke hulunya sampai ke Gunung Bintang yang ditanda A ke B.
- b. Sempadan Perak-Reman (Yang ditanda B, C, D, E, F):
 - 1) Satu garisan lurus dari Gunung Bintang ke Gunung Kenderong (B ke C).
 - 2) Satu garisan lurus dari Gunung Kenderong ke satu titik di Sungai Rhui 4 batu dari kualanya (C ke D).
 - 3) Dari D dengan garisan lurus ke penghujung susuh bukit

Peta 4.6: Perubahan Kawasan Sempadan di Hulu Perak



Sumber: Ubasuai Peta Perak dan CO273/262.

- (spur) di Sungai Perak dekat Jeram Pala (E) yang ditanda aliran utara Sungai Sengo.
- 4) Satu garisan dari utara aliran Sungai Sengo ke hulu utamanya (E ke F).
- c. Sempadan Perak-Pahang dan Kelantan adalah mengikut punca-punca sungai utama.
- d. Sempadan Pahang-Terengganu.
- 1) Hulu sungai utama.
 - 2) Aliran selat Sungai Kemaman hingga bertemu hulu Sungai Chedar.
 - 3) Kemudiannya aliran antara Sungai Chedar ke Tanjung Glugur di tepi pantai.⁶¹

Greville menandatangani perjanjian pada 29 November 1899 bersama-sama dengan Putera Devawongse.⁶² London dan Singapura telah dimaklumkan mengenai penandatangani perjanjian ini. Mukaddimah perjanjian dengan jelas telah membahagikan negeri Melayu kepada dua wilayah, di bawah perlindungan British dan Siam tanpa penyertaan raja-raja Melayu terlibat:

"The government of Her Britanic Majesty on the part acting in the names and on behalf of the Sultan of Perak and Pahang⁶³ and the Government of his Siamese Majesty on the other part, considering that it is desirable to settle all fronties disputes in Malay Peninsular and to define the boundaries between the

above names states of Perak and Pahang on the one side and the Siamese province of Reman and the Siamese Dependencies of Kedah, Kelantan and Terengganu on the other, the undersigned, Her Britanic Majesty's Minister Resident and His Siamese Majesty's Minister for Foreign Affairs, duly authorised to that effect, have agreed as follows.....⁶⁴

Perjanjian ini, meskipun tidak mencapai⁶⁵ apa yang dikehendaki sepenuhnya oleh pegawai-pegawai British di sini tetapi telah berjaya mendapat sesuatu yang diusahakan dari Siam. Walau bagaimanapun pada hakikatnya ia telah terjebak pada suatu suasana yang lebih konflik.⁶⁶ Siam pada mata kasarnya tidak rugi apa-apa dari penyerahan kawasan di Reman lebih kurang 1000 batu persegi kerana mendapat pengiktirafan ke atas negeri Kelantan dan Terengganu yang menjadi idaman pegawai British di sini.⁶⁷

Perlaksanaan perjanjian ini masih belum selesai lagi, kerana pemerintahan kawasan dan penandaan sempadan masih belum diruskan. Pada 19 Januari 1900 Swettenham telah menghantar surat ke London untuk kebenaran mencetak perjanjian, untuk melakukan pengambilan wilayah dan untuk mengatur dengan kerajaan Siam bagi menubuhkan satu Suruhanjaya yang akan memeriksa dan menanda kawasan yang tidak berbentuk "geographically" sahaja.⁶⁸

Pada awal Mac, Kerajaan British telah mengesahkan perjanjian 29 November 1899 dan mengarahkan penubuhan Suruhanjaya Penanda Sempadan. Pihak Perak telah menamakan A.E. Young Ketua Jurukor, H. Berkeley, Pemangku Majistret Daerah Hulu Perak dan Dato' Seri Adika Raja

sebagai ahli Suruhanjaya Penanda Sempadan. Siam masih belum berbuat apa-apa persiapan ke arah itu.⁶⁹

Sementara itu di pihak lain, Perancis telah mengutuk British mengenai perjanjian ini. Satu usaha untuk menyakitkan hati dan mengeruhkan hubungan British dan Siam telah dilakukan dengan menyiarkan di akhbar pandangan mereka terhadap British;


"The great Stumbling-block in our negotiations with Siam is the occupation of Chantaboon. The prospect of its evacuation which dazzled the eyes of His Siamese Majesty in April 1899 could be only a mirage. Our good neighbours the British, however, constantly denounced the injustice of our occupation, and misrepresented our reciprocal engagements with Siam. At the same time, they demanded the settlement in their favour of the old dispute about the settlement in their favour Perak and Reman was not Siamese territory or even tributary to Siam, and now the British Minister has just forced a settlement naturally in favour of England.

The King pays dear for hospitality given to the crown Prince, and it may be doubled if he will find any compensation that his son receives at Aldershot (a very prely hit). The British brutally advise us to clear out of Chantaboon, and not less brutally they themselves seize the states of Reman. Such is British logic !"⁷⁰

4.6 KESIMPULAN

Dari gambaran yang dibincangkan ternyata perbezaan antara proses pembentukan persempadanan di Province Wellesley/Kedah dengan Perak/Reman. Di Province Wellesley/Kedah ialah satu usaha untuk mendapatkan kawasan dan persempadanan baru. Di Perak Reman pula untuk mendapatkan kembali wilayah Perak yang terlepas ke tangan Reman. Dari segi

Gambar 1. Batu Sempadan Perjanjian Tahun 1899 yang Terdapat di Kampung Kunei, Griu, Pesu



Sumber: NA Halim, Sejarah Pesu I.

masa dan proses perundingannya juga berbeza antara kedua tempat ini. Dengan ini kelihatanlah suasananya berbeza meskipun melalui proses yang hampir sama iaitu surat menyurat dan perundingan.

Pihak Perak yang menuntut wilayah mereka mendapat dokongan kuat dari British. Manakala Reman yang kena tuntut mendapat perlindungan kuat dari Siam. Dari proses perundingan yang dipaparkan, ternyata Perak dan Reman tidak banyak berperanan, lebih-lebih lagi Reman. Ia jarang dirujuk untuk memberi sebarang pandangan atau keputusan. Semua keputusan datang dari Bangkok. Hanya sekali sahaja Raja Reman naik ke Bangkok pada awal tahun 1887 (sebelum Putera Devawongse berlepas ke London pada Mei) untuk memaklumkan bahawa baginda menyerahkan persoalan persempadanan ini kepada budibicara Raja Siam.⁷¹

Perbincangan persempadanan ini juga banyak melibatkan persoalan lain. Pada asalnya untuk mendapatkan kembali wilayah Perak dengan apa cara sekali pun. Perak melalui pentadbirnya Sir Hugh Low semasa perundingan pertama membuat pelbagai tawaran kepada Siam asalkan Wilayah Perak itu diserahkan kembali. Antaranya Perak sanggup membayar ganti rugi di atas kehilangan kawasan tersebut kepada Raja Reman, Gabenor Songkhla dan juga Raja Siam. Gagal dengan tawaran itu, sehingga Perak sanggup membeli kembali wilayahnya setelah tawaran untuk memajak kawasan itu ditolak oleh perunding Siam. Dari gambaran ini memperlihatkan kesungguhan pihak British di sini dan juga di Pejabat Tanah Jajahan. Apa

yang menjadi halangan kejayaan ialah sikap ketidaksungguhan Pejabat Luar Negeri Dan Menteri Residen di Bangkok dalam mendesak dan menekan Siam demi memelihara dasar Hubungan Luar British. Bagi pihak Siam pula mereka bersungguh-sungguh mempertahankan wilayah tersebut dan berselindung di sebalik nama Raja Reman yang tidak mahu wilayahnya terlepas.⁷²

Ketidaksungguhan petugas di Pejabat Luar Negeri dan Menteri Residen dapat dilihat dari sikap cepat mengalah, menurut dan membuat janji yang mereka tunjukkan semasa berhadapan dengan perunding Siam sama ada di London, mahupun di Bangkok. Malahan kadang-kadang mereka pula yang terlebih awal memutuskan agar perkara tersebut tidak dibawa ke meja perundingan. Apa yang lebih merugikan lagi, mereka sendiri pula lebih mendesak Pejabat Tanah Jajahan dan juga Gabenor Singapura untuk menerima cadangan Siam. Seharusnya mereka yang menjadi pendesak kepada Siam untuk menerima cadangan Singapura dan Pejabat Tanah Jajahan.⁷³

Berbanding dengan sikap Siam, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kawasan tersebut. Ini termasuklah pegawai-pegawai mereka yang bukan berketurunan Siam. Kekuatan Siam dalam perundingan ini kerana berjaya "MenSiamkan" pegawainya kepada pemerintah dan kerajaan di samping kelemahan pada perunding Inggeris. Siam juga bertindak pantas turun ke selatan untuk mempengaruhi Raja dan penduduk setempat supaya terus memberi kesetiaan. Bagi setiap bermulanya kes tuntutan ini, pegawai dari Bangkok turun menyiasat tuntutan Perak dan

mengumpul bukti untuk membuat penolakan. Dalam masa yang sama penduduk tempatan diingatkan tentang kesan rancangan British untuk menguasai wilayah ini.⁷⁴

Satu lagi kegagalan yang dialami dalam proses pembentukan sempadan di sini kerana British di London memandang Siam lebih penting dari jajahan dan negeri naungan mereka di negeri Melayu. Ini menjadikan pegawai mereka di sini dan juga di Pejabat Tanah Jajahan tersepit antara mendaulatkan pertuanan British di bumi Melayu dengan dasar Hubungan Luar British yang mengarah tetapi tidak boleh bertindak. Pihak di Singapura diarahkan supaya menyekat perkembangan Siam ke selatan, tetapi dalam masa yang sama Kerajaan British memperakui pertuanan Siam di Kelantan dan Terengganu yang satu ketika mereka memperakui kebebasannya. Ternyata perundingan yang memakan masa begitu panjang lebih menguntungkan Siam dari mendapatkan tuntutan Perak. Wilayah Perak hanya dikembalikan pada kadar 1/3 keluasan, sedangkan negeri Kelantan dan Terengganu pula terlepas kepada Siam. Tidak sekadar gagal di Perak, British juga dinafikan haknya untuk terus berkembang jauh ke utara lagi dengan pembahagian persempadanan yang sedemikian rupa.⁷⁵ Bagi Perak, meskipun gagal mendapat balik sebahagian dari wilayahnya di Reman, tetapi telah mendapat pengesahan pendudukan ke atas lembah sebelah utara (kiri arah mudik) sungai Selama. Persempadanan dari gunung ke gunung dan juga rentasan garisan lurus turut dilaksanakan di Perak. Apa yang diperhatikan, mereka tidak pernah memikirkan akibat dan

kesan dari garis rentas yang dipersetujui. Sedangkan mereka telah berpengalaman semasa pengendalian persempadanan di Province Wellesley/Kedah. Pembahagian yang sebegini bukan sahaja telah memutuskan perhubungan penduduk bersempadan malahan memberi kesukaran kepada pemerintahan dan pentadbiran. Masalah ketentuan maksud empat batu dari Kuala Rui telah memaksa garisan itu merentasi beberapa kali lengkok sungai tersebut. Secara tidak langsung telah membahagikan kedua dua pemerintahan mempunyai kawasan di seberang-menyebaerang. Keadaan ini hampir sama berlaku di Sungai Sintuk, Province Wellesley akibat Perjanjian 1831. Keterangan lanjut kawasan yang terlibat, disertakan peta kawasan tersebut.

Kesukaran pertama yang dihadapi ialah semasa urusan sukat menyukat dan penandaan sempadan. Meskipun telah dipersetujui supaya ditandai kawasan yang tidak bersifat geografi sahaja, tetapi apabila berhadapan dengan ketentuan tempat di muka bumi tetap bermasalah. Akibatnya urusan sukat menyukat tidak mendapat persetujuan semua pihak. Apa yang lebih merugikan lagi bagi negeri Perak ialah kejatuhan Raja raja Melayu di bawah Siam telah memaksa mereka berjiran terus dengan Siam. Semuanya ini berpunca dari perkembangan wilayah dan pengenalan persempadanan baru oleh pihak British. Kekhuatiran campurtangan dan tunjuk ajar dari British menyebabkan Siam melucutkan semua jawatan Di Raja kepada negeri Melayu Segenting Kra bawah naungannya kecuali Kelantan dan Terengganu. Inilah yang menjadikan persoalan di persempadanan yang longgar terus mendapat

perhatian.⁷⁶

Ini adalah sebahagian awal dari permasalahan yang timbul dari perjanjian tersebut. Setelah masa berlalu banyak lagi permasalahan yang muncul yang menjadikannya sebahagian dari perbincangan pada bab seterusnya. Sebagai kesimpulan, jika masalah sempadan di Province Wellesley telah dapat diselesaikan selepas 69 tahun, persempadanan di Perak mengambil masa selama 85 tahun baru didapatkan kembali. Itu pun tidak pada keseluruhan kawasannya. Bagi British, sama ada di Province Wellesley mahupun di Perak, ia telah bertambah kawasan. Kejayaan mendapat lebih kurang 1000 batu persegi di Hulu Perak bermakna berjaya memiliki hasil mahsul yang telah diperbincangkan sebelum ini.

Apa yang sedang diusahakan oleh British terhadap persempadanan Perak adalah sebagai satu tanggungjawabnya. Ia bukan sahaja kerana sebagai negeri penaung, tetapi adalah kerana penerusan kepada usaha yang telah dilakukannya di sempadan dengan Selangor pada tahun 1825 dan dengan Kedah pada tahun 1848. Penerusan ini adalah perlu kerana mereka lah yang mula mencorakkan persempadanan yang sedemikian rupa di sini. Perjalanan dan cita-cita mereka belum berakhir lagi. Hasil dari kegagalan mencapai hasrat pada perjanjian di atas, mereka terus menerokai ke seberang sempadan dengan lebih luas lagi. Perbincangan bab seterusnya akan memperlihatkan penerusan usaha dan menebus kembali kekecewaan hasrat yang tidak tercapai. Negeri Melayu yang kaya dengan pelbagai hasil mahsul,

penduduk yang ramai dan jalan laluan yang baik terus menjadi korban percaturan politik, diplomatik, perdagangan dan keselamatan antara British dengan Siam.

NOTA KAKI

1. Butir-butir lanjut Perjanjian Pangkor terdapat dalam **Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo**, (ed.), W.G. Maxwell and W.S. Gibson, London, Printed by Jass. Truscott & Son. Ltd. 1924, hal. 28-30.
2. Ini dilihat dari status kawasan yang menjadi jajahan mereka di sini. Ada tiga kumpulan; Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Kuala Kerian dijadikan daerah dalam Province Wellesley dan Dinding diletak di bawah pentadbiran Negeri Selat. Namun kemudiannya Dinding diserahkan balik kepada Perak dan Kuala Kerian kekal dengan Province Wellesley, bukan persoalan dalam perbincangan ini.
3. Dalam penutup bab 3, telah digambarkan mereka akan terus mengembangkan jajahan dengan cara mereka dan kerana kepentingan mereka. Faktor setempat itu hanya menjadi prasyarat dan pencepatnya sahaja. Lihat perbincangan seterusnya dalam bab ini dan bab seterusnya.
4. Lihat surat Sultan Perak kepada F. Light, pada 7 Syawal 1201H (23 Julai 1787), dalam **Warisan Warkah Melayu**, oleh Annabel Teh Gallop dan E. Ulrich Kratz, London, The British Library, 1994, hal. 203. (Terbitan dalam dua bahasa-Melayu dan Inggeris untuk Arkib Negara Malaysia).
5. B.W. Andaya, **Perak, The Abode of Grace, A Study of an Eighteenth-Century State**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1979, hal. 375.
6. Kesah perlanunan di Selat Melaka telah digambarkan sejak dari zaman awal pembukaan Melaka bilamana Hang Tuah lima bersaudara telah membunuh sekumpulan mereka di sebuah pulau. Bagi ancaman di perairan Perak pada akhir abad ke 17 (1690an), lihat, B.W. Andaya, **Op. Cit.**, pada Nota Hujungan No. 70, hal. 64.
7. Usaha menduduki Pulau Dinding, dilakukan oleh Gabenor Sir Harry Ord pada tahun 1876-79 tetapi gagal. Lihat C.D. Cowan, **Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas, Asal-Usul Penguasaan Politik British**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hal. 73-89. Penaklukan Selangor ke atas kawasan Bernam, lihat Khoo Kay Kim, **Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873**, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1984, hal. 7. Manakala Sungai Bernam menjadi sempadan Perak-Selangor setelah Perjanjian 6 September 1825 diantara Sultan Abdullah Muazzam Shah dengan John Anderson, Agen Gabenor Pulau Pinang. Lihat **A Collection of Treaties, Engagements, and**

Sunnuds, The Treaties, &c., Relating to Bengal, Burma, and Eastern Archipelago, Calcutta, Savielle and Cranenburgh, 1862, hal. 266-267.

8. Lihat **The Burney Papers**, Vol. 2, Pt. 3, hal. 104-108.
- 9.
9. Haji Buyeng Adil, **Sejarah Perak**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hal. 9.
10. Lihat B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 110 (Nota Hujungan No. 42).
11. Dalam kontek masa itu, hasil adalah milik atau monopoli pemerintah. Sultan di kawasan hilir akan kerugian akibat hasil tidak melalui kawasan baginda, tetapi pembesar yang mengeluarkan hasil-hasil masih dapat sumber pendapatan. Ini berkait rapat dengan konsep "kekuasaan dan kedaulatan".
12. Lihat B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 281-285.
13. Keagungan Sultan Iskandar Zulkarnain, lihat Raja Chulan, **Misa Melayu**, Kuala Lumpur, Penerbitan Pustaka Antara, 1991, hal. 47-179. Lihat sama B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 122-257.
14. Lihat B.W. Andaya, **Op. Cit.**, hal. 280-281.
15. Penaklukan Siam ke atas Patani boleh dilihat dalam Ibrahim Shukri,(Penyusun) **Sejarah Kerajaan Melayu Patani**, Pasir Putih, Kelantan, dicap oleh Tunku Zainab binti Tunku Abdul Mutallib, Tanpa tarikh, (Jawi), hal. 91. Lihat sama D.K. Wyatt, **Thailand, A Short History**, New Haven, Yale University Press, 1984. hal. 151. Lihat juga W.F. Vella, **Siam Under Rama III, 1824-1851**, New York, J.J. Augustin Incorporated Publisher, 1957. beliau menjelaskan bahawa negeri Melayu hanya terlepas dari cengkaman Siam selepas jatuh Dinasti Ayuthia pada tahun 1767 di tangan Burma. Tetapi dapat dipulihkan semula Taksin dan Chakri (Rama I), hal. 59-60.
16. Kisah penaklukan Reiman dan peperangannya dengan Perak, lihat Raja Razman dan rakan rakan, **Hulu Perak Dalam Sejarah**, Ipoh, Regina Press, 1963, hal. 10-21, Sultan Perak ada juga memaklumkan kepada Sultan Kedah bahawa negerinya diserang oleh Reiman. Surat ini boleh di lihat dalam, **SSFR (IOL)**, Vol. 45, f. 2922.
17. Keterangan lanjut tentang dokumen Perjanjian Pangkor dalam bahasa Melayu dapat dilihat dalam, Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malay", **Peninjau Sejarah**, Vol. 1, No. 1, (Julai 1966), hal. 51-60.

18. Lihat semula Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malay", hal. 51-60.
19. Lihat laporan jurusukat persekutuan, D.D. Daly, "Surveys and Explorations in the Native States of the Malayan Peninsula, 1875/82" Read at a **Meeting of the Royal Geography Society**, London, May 8th 1882, 15 halaman. (Salinan Mikrofilem).
20. Lihat "The Journal of Sir Hugh Low, Perak 1877", Emily Sadka, (ed.), **JMBRAS**, Vol. 27, Pt. 4, Nov. 1954, (No. 168), hal. 47.
21. Penyukatan persempadanan ini untuk menyelesaikan sistem tradisional yang berbunyi "Ketua tiap keluarga membayar cukai izin sebanyak seringgit kepada Orang Besar di situ. Cukai ini membenarkan mereka menanam tanah sebesar yang terdaya dan untuk ini mereka membayar wang sewa seringgit setengah relong". Hal ini ialah untuk pembukaan tanah pertanian di Kerian dan Kurau pada tahun 1850an. Lihat **Penang Gazette**, 14 Apr. 1860. Lihat sama penandaan sempadan Daerah Kuala Kangsar dengan Kinta dalam **Penang Gazette**, 12 Mac 1889. Masalah di Selama timbul apabila British memperkenalkan sistem ini, pihak di Kedah menuduh British telah mencerobohi kawasannya dan dalam masa yang sama mendudukinya.
22. Sumber tradisi, lihat C.O.273/115: Gabenor Weld kepada Lord Kimberly, 3 Jun 1882, Desp., ff. 7-27. Andaian Sungai Selama sebagai anak sungai Kerian ini mungkin berasaskan pada laporan J.R. Logan pada tahun 1850 bahawa Sungai Selama itu terletak di sebelah kiri mudik. Lihat "Notes at Pinang, Kidah & etc, oleh J.R. Logan, JIAEA, Vol. 5, 1851, hal. 62.
23. Jika berasaskan kepada sempadan tradisional Perak di sebelah hulu bahagian barat laut yang bersempadan dengan Kedah ialah antara Bukit Sebelah, Bukit Tasik dan Gunung Inas, ternyata kawasan ini milik Kedah. Tetapi jika Kuala Kerian sampai ke Batu Kawan di Seberang Perai pernah berada di Perak, ternyata seluruh Lembah Kerian juga berada dalam Perak. Oleh kerana pasang-surut politik Melayu, ketiadaan rekod bertulis bagi pihak Perak ternyata Kedah lebih berhak apabila adanya laporan tentang "Sultan Ahmad Tajuddin, dengan Kerabat Di Raja, (Tunku Abdullah, Tunku Daei, Tunku Jaafar) bersama Penghulu Selama dan Che Golak merancang untuk menyerang Kedah dari Pulau Pinang". Lihat surat Baginda Putra Rinhua Chow dan Chow Phya Ligor kepada Robert Ibetsen, Residen Pulau Pinang pada 2 Januari 1831 dalam SSFR (RNLA) Vol. F5, tanpa folio.
24. Latar belakang ringkas Che Karim terdapat dalam Nota kaki 78, "The Journal of Sir Hugh Low, Perak 1877", (ed.), Emily Sadka, **JMBRAS**, Vol. 27, Pt. 4, 1954, hal. 50. Lihat sama dalam W. E. Maxwell, "A Journey on Foot to

the Patani Frontier in 1876. Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datch Maharaja Lela of Perak", JSBRAS, No. 9, 1882, hal. 2-6. Manakala maklumat pembukaan di Hulu Selama diperolehi dari Encik Zainal Abidin bin Penghulu Awang Che Mas (lebih dikenali dengan Pak Long Noor bagi masyarakat setempat) semasa temubual dengan beliau pada 3 November 1993. Beliau kini berusia 80 tahun, lahir pada 8 Januari 1915 adalah generasi ke 4 (cicit) kepada Penghulu Mat Dahari.

25. Pada zaman awal pentadbiran Inggeris di sini, ia ditadbir dari Kerian bilamana E. Sinclair hanya datang sekali sekala sahaja dan urusan pentadbiran banyak dikendalikan oleh Che Karim. Setelah penempatan Mr. Brewster di Selama barulah Kedah membuat bantahan. Lihat CO 273/115: Gabenor Weld kepada CO, 3 Jun 1882, ff: 8-13. Lihat sama Chulasiriwongs, Chayachoke, "Thai-British Relation Concerning the Southern Malay States, 1880-1899", Tesis Ph.D, Ohio, Ohio University, 1980, hal. 117-123.
26. Lihat **The Life of Sir Frederick Weld**, oleh Alice, Lady Lavet, London, John Murray, 1914, hal. 346 dan lihat sama Chulasiriwongs, Op. Cit., hal. 121.
27. Surat menyurat Pulau Pinang dengan Penghulu Keroh dan Betong bagi pihak Raja Reman (Patani) pada zaman awal 1820an, lihat kembali bab 3. Penerokaan pertama oleh pihak British ke kawasan ini setelah mereka bertapak di Perak dilakukan oleh W.E. Maxwell semasa memburu Dato' Maharaja Lela. Lihat laporannya, "A Journey on Foot to the Patani Frontier", Op. Cit., hal. 1-63.
28. **The Journal of J.W.W. Birch First British Resident to Perak, 1874-1875**, (ed. and Intro.), P.L. Burns, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, hal. 72. Lihat sama **Sir Frank Swettenham's Malayan Journal 1874-1876**, (ed.), P.L. Burns and C.D. Cowan, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975, hal 67.
29. Surat surat perakuan dari Raja Muda Yusof dan lain lain surat yang berkaitan dari Perak dan Singapura boleh dilihat dalam CO 273/115: Gabenor Weld kepada CO (Lord Kimberley), 3 Jun 1882, ff: 7-27.
30. Surat balasan dari Bangkok terdapat dalam CO 273/118: FO kepada CO, 5 Dis. 1882, ff: 529-539.
31. Keputusan menolak tuntutan ini dibuat setelah Raja Reman datang mengadap ke Bangkok serta menyerahkan keputusan kepada Raja Siam. Akhirnya dalam mesyuarat Majlis Di Raja pada 4 Mei 1887, Raja Siam mengistiharkan "British would not be allowed to lease the district of Reman".

Satow sendiri tidak diberi tahu akan keputusan ini meskipun beliau menjadi pengiring Menteri Luar ke London. Lihat Chulasiriwongs, Chayachoke, Op. Cit., hal. 247-251.

32. Pemberontakan di Kulim dapat dilihat dalam **Pinang Gazette**, 8, 15, dan 19 Jun 1888. Pada masa ini Kerajaan British begitu menjaga hubungan luarnya bilamana sanggup memberi amaran kepada Gabenor Negeri Selat C. Smith yang telah membuat lawatan dan mengadakan perhubungan dengan Sultan Zainal Abidin Terengganu pada tahun 1888. Apa yang menjadi kehairanan ialah dalam masa yang sama Kerajaan British juga tidak mahu Siam mengeimbangkan kekuasaannya ke Kelantan dan Terengganu.

33. Perjanjian Rahsia Great Britain-Siam ditandatangani pada 6 April 1897 di Bangkok antara William Archer dengan Devawongse. Perjanjian ini telah memberi pengiktirafan hak kekuasaan Siam ke atas Negeri Melayu Siam, Khususnya Kelantan dan Terengganu dan British diberi jaminan bahawa Siam tidak akan memajakkan atau menyerahkan kawasananya (tanah darat atau pulau-pulau) yang menganjur ke selatan dari Moung Ban Tapan. Penjelasan lanjut, lihat Chandran Jeshurun, *The Contest for Siam 1889-1902, A study of Diplomatic Rivalry*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, hal. 267-268. Lihat sama Thamsook Numnonda, "The Anglo-Siamese Secret Convention of 1897", *Journal of Siam Society*, Vol. 53, Pt. 1, Jan. 1965, hal. 45-60. Perihal cadangan Swettenham untuk membuka kembali perundingan kes ini (tuntutan wilayah Hulu Perak/Reman), dapat dilihat dari kenyataan sokongan Gabenor C. Mitchell, ".....But as regards the Reman-Perak boundary question there would appear to be a need for a clear and final settlement". Lihat surat Gabenor yang melampirkan surat Residen General kepada Pejabat Tanah Jajahan dalam CO 273/48: Gabenor kepada CO, 6 Jul. 1897, ff. 464-472.

34. Semua peristiwa di atas dapat dilihat dalam CO 273/239: Kynnersley kepada CO, 18 Jan. 1898 yang melainpirkan surat surat Raja Muda Kedah kepada Residen Perak 20 Oktober 1897, Bozollo kepada Residen Perak 21 Oktober 1897, Penasihat Undang Undang Perak kepada Setiausaha kepada Residen Perak 15 Disember 1897, Peinangku Residen kepada Residen Jeneral 3 Januari 1898 dan Residen Jeneral kepada Gabenor 8 Januari 1898, ff: 364-387.

35. Surat dari Pejabat Luar terdapat dalam CO 273/243: F. Bertie (FO) kepada CO, 2 Mac. 1898, Desp., ff: 147-151. Manakala arahan ke Singapura pula terdapat dalam CO 273/243: CO kepada Mitchell, 14 Mac 1898, ff: 150-151. (Surat ini terdapat dalam kumpulan surat Bertie ke C.O).

36. Lihat CO 273/243: Devawongse ke Greville, 23 Apr. 1898, ff: 281-292. (dalam surat Bertie kepada CO, 20 Jun 1898).
37. Devawongse mengulang kembali sejarah lama bagaimana kawasan itu berada dalam Reiman dan mempersoalkan pula sejarah yang dikemukakan oleh Perak. Beliau menyatakan, "In present instance, as I have stated sub Ist, no such evidence exist. All that the State of Perak can allege is a previous de facto possession resting on as better title that of other states which successively occupied the same territory; in which the only maxim which can be safely applied is that of *beati possidentes*", dalam CO 273/243: Devawongse kepada Greville, 23 Apr. 1898, f. 289.
38. Kenyataan ini boleh ditemui dalam dua "minit" yang ditulis oleh Swettenham bertarikh 9 dan 23 Julai 1898. Terdapat dalam CO 273/241: Kynnersley (A.O.G) kepada CO, 21 Sep. 1898, ff: 155-219. Minit Swettenham pada ff: 163-165 dan 178-217.
39. Penolakan Siam terdapat dalam CO 273/252: Greville kepada FO, 18 Feb. 1899, f. 365 dan FO kepada CO, 23 Feb. 1899, ff. 303-304. Senjata Siam bagi mengendurkan tuntutan British ialah Peranchis di Indo China. British amat takut dengan usaha Peranchis untuk mendapatkan konsensi bagi membina Terusan Kera sejak tahun 1893. Perkara ini telah disiarkan dalam akhbar dan dibicangkan dalam parlimen di England. Usaha Peranchis ini begitu menghantui fikiran pegawai British di Negeri Selat dan juga di England. Lihat Chandran Jeshurun, "The British Foreign Office and the Siamese Malay States, 1890-1897", dalam Conference of the International Association of Historians of Asia, (IAHA) 5-10 Aug. 1968, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, hal. 6. British dan Peranchis bukan sahaja bersaing di Asia malah di Nigeria, Leimbah Nil, Moroko, Madagaskar dan juga kawasan perikanan Newfoundland. Keterangan lanjut persaingan mereka di Asia, lihat B.E. Kennedy, "Anglo-French Rivalry in Southeast Asia 1763-1793: Some Repercussions", JSEAS, Vol. 4, Pt. 2, 1973, hal. 199-215 dan juga Minton F. Goldman, "Franco-British Rivalry Over Siam, 1896-1904", JSEAS, Vol. 3, Pt. 2, 1972, hal. 210-228. Khusus untuk Siam dan jiran di utara timur dan utara barat, lihat C. Jeshurun, *The Contest for Siam 1889-1892*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.
40. Telegram Greville terdapat dalam CO 273/253: Greville kepada FO, 10 Ogos 1899, dalam surat FO kepada CO, 14 Ogos 1899, ff: 668-671. Arahan untuk menghubungi Mitchell, lihat memo Lucas dalam surat FO kepada CO, 14 Ogos 1899, f. 668.

41. CO 273/253: Greville kepada Salisbury, 16 Ogos 1899, ff. 703-705. (dalam surat FO kepada CO, 17 Ogos 1899)
42. CO 273/253: FO kepada CO, 19 Ogos 1899, f. 713.
43. Ternyata bahawa pendirian Pejabat Luar Negeri lebih memihak kepada Siam daripada negeri Melayu. Mereka sanggup menurut kata Siam dengan mengorbankan kepentingan orang dan negeri Melayu dan kepentingan mereka di negeri Melayu asalkan tidak menyakitkan hati Siam. Mereka terus mahu berbaik baik dengan Siam. Maka negeri Melayu telah dijadikan sandaran untuk cita-cita perdagangan mereka di Siam.
44. CO 273/253: CO kepada Gabenor, 25 Ogos 1899, ff: 718-719.
45. CO 273/253: Greville kepada FO, 24 Ogos 1899, Tel., ff. 720-723.
46. Arahan kepada Greville supaya merujuk kepada Singapura dalam CO 273/253: FO kepada Greville, 26 Ogos 1899, Tel., ff. 724-727. (dalam surat FO kepada CO 26 Ogos 1899). Manakala pandangan dari Singapura dalam CO 273/252: Mitchell ke CO, 7 Sep. 1899, Tel., ff. 7-10. Membaik masuk Kelantan dan Terengganu ke dalam pengaruh British sudah bertentangan dengan Perjanjian Rahsia. Ini membayangkan bahawa mereka tidak diberitahu kandungan sebenar perjanjian tersebut.
47. CO 273/252: Greville kepada Mitchell, ff. 27-29.
48. Ibid, ff. 29-31.
49. CO 273/253: Greville kepada Salisbury, 16 Ogos 1899, ff. 746-747.
50. CO 273/253: Greville kepada Salisbury, 13 Sep. 1899, ff. 741.
51. CO 273/253: FO kepada CO, 15 Sep. 1899, f. 740.
52. CO 273/253: CO kepada FO, 16 Sep. 1899, f. 742.
53. CO 273/252: Mitchell kepada CO, 22 Sep. 1899, ff. 82-83.
54. CO 273/253: CO kepada FO, ff. 84-85.
55. CO 273/253: FO kepada CO, 27 Sep. 1899, f. 756.
56. CO 273/252: Mitchell kepada CO, 24 Okt. 1899, f. 309.

57. Pendapat pendapat yang ditulis oleh pegawai pegawai Pejabat Tanah Jajahan selepas menerima telegram Mitchell, lihat Ibid, f. 303.
58. Surat Swettenham dalam CO 273/252: Swettenham kepada Mitchell, 7 Sep. 1899, ff. 32. (dalam surat Mitchell kepada CO, 12 Sep. 1899, ff. 24-26). Manakala catatan memo Earl Selborne pada 20 Oktober setelah membaca surat Mitchell dan memo pegawai pegawai dibawahnya pada, f. 23.
59. Hasil ruinusn mereka untuk dimajukan ke Pejabat Luar Negeri selepas membincangkan ketepatan perkataan "kedaulatan" (sovereignty) yang ditulis oleh Mitchell. Lihat Ibid, ff. 304-308.
60. CO 273/252: CO kepada Mitchell, Nov. 1899, ff. 211-213.
61. CO 273/264: Greville kepada FO, 25 Nov. 1899, ff. 274-275.
62. CO 273/264: Greville kepada FO, 30 Nov. 1899, ff. 167-171. (dalam surat FO kepada CO 11 Januari 1900).
63. Pahang tidak pernah dibawa berunding dalam penentuan sempadan antaranya dengan Terengganu. Demikian juga Terengganu tidak pernah dihubungi oleh Siam dalam membuat ketetapan ini.
64. Antara mukaddimah draf pada 18 November dengan yang sebenar pada 29 November sudah ada perubahan. Inilah kelebihan Siam apabila membuat perundingan dengan mereka. Lihat CO 273/264: Greville kepada FO, 25 Nov. 1899, ff. 272-275 dengan CO 273/264: Greville kepada FO, 30 Nov. 1899, ff. 267-271, dan juga CO 273/260: CO kepada FO, 19 Jan. 1900, ff. 127-129.
65. Perak dan pegawai British di negeri Melayu berhasrat untuk menuntut seluruh wilayah Perak yang ditawan oleh Reman (Patani) atau pun sekurang kurangnya mengikut punca Sungai Perak dan anak-anak sungainya. Inilah hasrat mereka sejasa mula-mula membawa kes ini kepada pihak atasan di London.
66. Pengiktirafan British ke atas negeri Kelantan dan Terengganu sebagai sebuah jajahan Siam, menjadikan hubungan mereka di sini bertambah tegang. Lihat perbincangan pada bab seterusnya.
67. Melepaskan wilayah Reman kira kira 1,000 batu persegi membolehkan Siam bebas berkuasa ke atas Kelantan dan Terengganu. Dari segi kekuasaan dan hasil Kelantan dan Terengganu adalah lebih baik dan bernilai dari kawasan Reman yang diserahkan kembali. Lihat bab seterusnya.

68. Untuk pertama kalinya mereka terfikir belanja penyukatan yang mahal disamping kerja yang sukar lagi rumit. Lihat CO 273/260: Swettenham kepada CO, 19 Jan. 1900, ff. 140-142.
69. CO 273/264: Stringer kepada Salisbury, 29 Mac 1900, ff. 572-575.
70. Kenyataan ini disiar dalam akhbar Peranchis "Courrier d' Haiphong" di Saigon yang kemudiannya disiar kembali dalam **Bangkok Times** pada 27 Mac 1900. Lihat CO 273/264: Stringer kepada Salisbury, 10 Apr. 1900, ff. 607-610.
71. Lihat Chulasiriwongs, Chayachoke, **Op. Cit.**, hal. 247-248.
72. Perbincangan gantirugi, antaranya lihat, CO 273/137: FO kepada CO, 24 Jul. 1885, ff. 421-427., CO 273/137: FO kepada CO, 20 Ogos 1885, ff. 434-442., CO 273/137: FO kepada CO, 13 Nov. 1885, ff. 537-541. Bagi perbincangan membeli pula, antaranya, lihat CO 273/142: F. Swettenham kepada Co, (notes on a conversation with F. Verney 11 May), 14 Mei 1886, ff. 925-936.
73. Berkenaan dengan peranan dan sikap pegawai-pegawai tersebut yang telah dikaji, misalnya lihat Chayachoke Chulasiriwongs, "The Role of the British Consuls in Bangkok in the British Policy Towards the Thai Malay States, 1880-1887, dalam Symposium on the Western Presence in South-East Asia, Under the Auspices of the National Historical Institute and British Institute in South East Asia, Manila, 25-28 Jan. 1982, 19 halaman.
74. Antaranya, lihat surat W.H. Newman 23 Jan. 1884, dalam CO 273/126: Gabenor Weld kepada Co, 21 Mac 1884, ff. 465-479. Lihat sama CO 273/140: Gabenor Weld kepada Co, 21 Jun 1886, f. 128. Lihat sana Putera Naret daripada London kepada Bhanuwong, 19 Sep. 1884, yang tersepit dengan tanggung-jawab di sana, "...if this thing goes on, I will probably receive some punishment (from the King)....", dipetik dari Chulasiriwongs Chayachoke, **Op. Cit.**, hal. 182.
75. Dua pandangan yang berbeza dikalangan pegawai British, antara yang di Singapura dengan di Bangkok dan London, misalnya:
- Pandangan dari singapura;

"The questin is one of the very great importance
in reference to our position with the Malay
States og Peninsula, as I and Sir Hugh Low,...
are about to vist to England, I have only to
request your Lordship.....and to move the
Secretary of State of Foreign Affairs to adopt the

"I attach very great importance to this question, as the Malays look upon it as a test of our power and willingness to protect them, and the measure of our influence must greatly depend upon its solution", dalam CO 273/127: Gabenor weld kepada Earl Derby, 18 Apr. 1884, ff. 34-36.

"It is needless for me to point out that if they are permitted to do this, and no ejected, our position will be much lowered in the eyes of the Malays...." surat Gabenor Weld kepada G. Greville dalam Co 273/140: 28 Apr. 1886, f. 783.

"I am sorry that I cannot see the matter with your eyes- in the first place you want a policy of give and take: but our position is this: We claim the whole Reiman territory very much as it is on the A. (Asiatic) S.(Society) Map but we will give up a part, if they give up a part: there is the give and take", Pandangan Gabenor C. Mitchell kepada G. Greville, 19 September 1899 dalam CO 273/252: ff. 137-138.

Pandangan dari Bangkok;

"....if Singapore government refused the appeal, King Chulalongkorn would feel hurt and that Thai-British relations would be damaged". Inilah pandangan E. satow yang menjadi Konsul British (Menteri Residen) di Bangkok, semasa perundingan awal. Dipetik dari Chulasiriwongs, Chayachoke, Op. Cit., hal. 185.

"I'm very sorry that you are not inclined to agree to the proposed agreement. The King will of course not accept your modified proposal where you get all the advantages. Why not finish this business now when there is such a good

opportunity to do so?.... What is a compromise?
You take all you can get and give nothing in
return", surat dari Greville kepada Gabenor
Mitchell, 12 September 1899, dalam CO
273/252: ff. 135-136.

76. Permasalahan di Patani dan kemudianya di Setol menjadi antara sebab British untuk campur tangan tetapi mereka tidak mempunyai ruang yang luas, Permasalan di Patani, antaranya lihat surat Tengku Abdul Kadir kepada Gabenor F. Swettenham, 13 Ogos 1901 terdapat dalam surat CO kepada FO, 7 Okt. 1901, No. 71, FCRAS, Pt. XIII, 1901, hal. 63-79. Perbincangan lanjut hubungan Patani-Siam dalam era ini, lihat Mohd Zamber A. Malek, **Umat Islam Patani, Sejarah dan Politik**, Shah Alam, Hizbi, 1993, hal. 132-175. Lihat sama Kobkua Suwannathat-Pian, **Thai-Malay Relations, Traditional Intra Regional Relation From Seventeenth to the Early Twentieth Century**, Singapore, Oxford University Press, 1988, hal. 159-204.